



PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA:

Titah Jawapan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kepada
Ucapan Tahniah [Ruangan 473]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan
474]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Badan-badan Berkanun [Ruangan 495]

Rang Undang-undang Cap Dagangan [Ruangan 545]

Rang Undang-undang Perbadanan (Kelayakan Badan Perundangan Negeri) (Pindaan)
[Ruangan 549]

Rang Undang-undang Pendaftaran Ekspot Getah (Pindaan) [Ruangan 550]

Rang-Undang-undang Badan Berkanun Getah [Ruangan 553]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 544]

MALAYSIA

PARLIMEN KEEMPAT—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI S. O. K. UBAIDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL AZIZ BIN TAPA, A.M.N., P.J.K. (Melaka).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negeri Sembilan).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR TITINGAN BIN DAMSANI, S.P.D.K., P.G.D.K., A.D.K., A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N. (Johor).
- „ TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., S.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. Gabriel (Dilantik).
- „ TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK LEE LOY SENG, D.P.M.P., J.P. (Perak).

Yang Berhormat DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).

- ” TAN SRI LIM CHING WAH, P.S.M., S.P.D.K., A.M.N. (Sabah).
- ” DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- ” DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
- ” TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- ” TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR (T.H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).
- ” TUAN HAJI MOHD. SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Dilantik).
- ” DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- ” DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., S.M.P., P.J.K., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- ” DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K. (Dilantik).
- ” TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- ” TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH, P.C.M. (Perak).
- ” TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- ” DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- ” PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Dilantik).
- ” RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- ” TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- ” DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., S.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- ” PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSEIN, A.M.N. (Dilantik).
- ” DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- ” DATUK SYED KECHIK BIN SYED MOHAMMAD, P.G.D.K. (Sabah).
- ” TUAN SYED OMAR BIN SYED HUSSAIN, S.M.P., A.M.N. (Perlis).
- ” TUAN TING MING HIA (Sarawak).
- ” CIK TOM SAUDAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- ” DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
- ” WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Dilantik).
- ” DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- ” PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Lim Joo Keng.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

 Isnin, 3hb Mei, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

PENGUMUMAN YANG
DI-PERTUATITAH JAWAPAN D.Y.M.M. SERI
PADUKA BAGINDA YANG DI-
PERTUAN AGONG KEPADA
UCAPAN TAHNIAH

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak menyatakan iaitu saya telah menerima Perutusan daripada Duli Yang Maha Mulia Seri Pasuka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekarang saya bacakan Perutusan itu:

"QAULUHUL HAK

Warakatul ikhlas watah fatul ajnas iaitu daripada Beta Yahya Petra ibni-Al-Marhum Sultan Ibrahim, Yang di-Pertuan Agong, Malaysia.

Mudah-mudahan barang diwasalkan oleh Tuhan Rabbul-amin ke Majlis Yang Berhormat Tan Sri Datuk Haji Omar Yoke-Lin Ong, P.M.N., S.P.M.S., Yang di-Pertua, Dewan Negara Malaysia yang ada beristirahat al-khair pada masa ini di Bandaraya Kuala Lumpur, dengan beberapa selamat dan kesejahteraannya.

Wabakdah ehwal Beta memaklumkan kepada Tan Sri bahawa surat Tan Sri bertarikh 26hb April, 1976 kerana menyampaikan ketetapan Ucapan Tahniah Majlis Dewan Negara Malaysia atas lantikan Beta sebagai Yang di-Pertuan Agong itu telah Beta terima dengan selamatnya. Beta adalah mengucapkan berbilang-banyak terima kasih jua. Beta meminta kelapangan Tan Sri apalah kiranya Tan Sri menyampaikan terima kasih Beta kepada sekalian Ahli-ahli Majlis Dewan Negara Malaysia

kerana membuat ketetapan Ucapan Tahniah dan ikrar taat setia kepada Beta itu dan jua di atas perasaan tulus ikhlas yang telah ditunjukkan kepada Beta itu akan dikandungkan di dalam ingatan Beta selama-lamanya.

Demikianlah sahaja Beta maklumkan disudahi dengan salam jua, adanya.

Termaktub di Istana Negara,

{ Kuala Lumpur,
pada 28hb April, 1976." }

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana Dewan ini ada lagi 10 buah Rang Undang-undang yang hendak diluluskan dalam tempoh 2 hari; hari ini dan esok dan juga oleh sebab kita tidak hendak mengulangi pengalaman dewan ini dalam mesyuarat yang lalu di mana kita terpaksa bersidang sampai larut malam untuk meluluskan banyak buah Rang Undang-undang dalam masa se hari, maka saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat apabila membahaskan sesebuah Rang Undang-undang supaya menyetujui perkara-perkara yang berkaitan dengan Rang Undang-undang itu sahaja dan jangan mengulang-ulang hujah-hujah mereka.

Selain daripada itu, ahli-ahli Yang Berhormat juga diminta membuat teguran-teguran dengan seberapa ringkas yang boleh.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

AKTA PENANAM PADI

1. Datuk Haji Ahmad bin Arshad (*di bawah bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

(a) sejauhmana Akta Penanam Padi (Pengawal Sewa dan Menjamin Pemergangan), 1967 telah dikuatkuasakan kepada tuan-tuan punya tanah dan penyewa-penyewa mereka sehingga sekarang; dan

- (b) tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk memastikan bahawa penguatkuasaan Akta tersebut telah dijalankan dengan teratur supaya nasib petani-petani yang mana kebanyakan daripada mereka adalah penyewa-penyewa tanah, dapat dilindungi dari tekanan sewa tanah yang tinggi, seperti sekarang ini.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) sehingga ini 7 buah negeri iaitu Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Trengganu dan Kelantan telah mewartakan Akta ini. Pada keseluruhannya pihak-pihak yang terlibat dalam perjanjian sewa telah sedar akan faedah Akta ini pada mereka. Sehingga akhir tahun 1975, sejumlah 6,187 perjanjian sewa telah didaftarkan dan 471 daripadanya telahpun dibaharui. Sebanyak 1,965 aduan mengenai pertikaian sewa telah diterima oleh Bahagian Penguatkuasa dalam jangka masa mulai daripada tahun 1973 hingga akhir 1975.
- (b) untuk memastikan Akta ini dikuatkuasakan dengan sepenuhnya Kerajaan-Kerajaan Negeri yang berkenaan telahpun mewartakan 8 seksyen-seksyen yang didapati perlu, (Jadual III). Kerajaan Pusat pula telah menempatkan Pegawai-pegawai Penguatkuasa dengan pembantunya di tujuh buah negeri-negeri tersebut di atas untuk memastikan kejayaan Akta ini. Dengan peruntukan yang diberikan oleh Akta, Pegawai-pegawai Bahagian Penguatkuasa telahpun membuat sebanyak 11,428 penyiasatan bagi menentukan sesuatu tanah padi itu diberi sewa dan mempunyai perjanjian yang sah mengikut Akta atau dikerjakan sendiri dan penerangan berkenaan dengan tujuan-tujuan dan implikasi-implikasi Akta tersebut telahpun diberi juga. Hasil daripada penyiasatan yang dinyatakan, sebanyak 669 kes telah dirujuk kepada Jawatankuasa atau Pegawai Penyiasatan untuk diselesaikan dan 230 kes telah dihadapkan ke Mahkamah untuk dibicarakan.

BAYARAN RAWATAN HOSPITAL

2. Tuan A. Arunasalam minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) berapakah kadar bayaran rawatan hospital yang telah dinaikkan bagi Kelas 1, 2 dan 3 tahun ini dan nyatakan apakah sebabnya;
- (b) di beberapa buah hospital wang pendahuluan dikenakan dulu sebelum seseorang pesakit itu diterima masuk ke dalam wad-wad. Adakah ini salah satu dari peraturan Kementerian dan jika ya, adakah Kementerian ini akan menimbangkan semula perkara ini agar dapat dijalankan pentadbiran hospital dengan lebihimbang rasa dan mengikut keadaan pesakit-pesakit; dan
- (c) samada beliau sedar bahawa kenaikan bayaran hospital-hospital telah menimbulkan beberapa kesan yang bertentangan dengan matlamat dan hasrat Kerajaan untuk memberi rawatan perubatan yang lebih sempurna kepada rakyat misalnya:
- (i) rakyat terutamanya golongan pendapatan rendah dan di luarbandar enggan hendak pergi ke hospital-hospital dan sebaliknya mencari rawatan perubatan sendiri seperti pergi ke dukun dan bomoh; dan
- (ii) kenaikan bayaran rawatan perubatan telah dengan sendirinya menolak naik rawatan perubatan di klinik-klinik persendirian dan juga harga ubat-ubat; dan jika ya, apakah tindakan Kementerian beliau atas perkara ini.

Timbalan Menteri Kesihatan (Datuk Haji Abu Bakar bin Umar): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kadar bayaran baru rawatan hospital bagi Kelas 1, 2 dan 3 adalah seperti yang terdapat dalam P.U. (A) 83 yang telah dikeluarkan dalam Warta Kerajaan bertarikh 18hb Mac, 1976 yang telah dibentangkan di dalam Dewan Rakyat baru-baru ini dan di Dewan ini sekarang. Kadar-kadar bayaran ini terpaksa dikaji semula dan dinaikkan kerana perbelanjaan perkhidmatan kesihatan telah begitu meningkat. Untuk makluman Yang Berhormat, kadar ini telah tidak dikaji semula semenjak tahun 1957 lagi.

(b) Adalah menjadi satu peraturan Kementerian bahawa dalam keadaan biasa, wang pertaruhan dikenakan dahulu sebelum seseorang pesakit itu diterima masuk ke dalam wad-wad yang dikenakan bayaran. Tetapi sekiranya pesakit itu berada dalam kecemasan, mereka dibenarkan dimasukkan ke dalam Wad dan diberi rawatan tanpa membayar wang pendahuluan atau mengadakan surat jaminannya yang akan ditentukan, biasanya, dalam tempoh 24 jam. Pesakit-pesakit yang tidak mampu boleh mendapat rawatan di wad yang percuma. Oleh itu, cadangan Yang Berhormat supaya perkara ini ditimbang semula mengikut keadaan pesakit tidaklah timbul kerana peraturan yang dijalankan sekarang ini pun adalah mengikut keadaan pesakit.

(c) Saya tidak sedar bahawa dengan adanya kenaikan bayaran hospital-hospital telah menimbulkan kesan-kesan yang bertentangan dengan matlamat dan hasrat Kerajaan untuk memberi rawatan perubatan kepada rakyat. Peruntukan-peruntukan telah dibuat di dalam Perintah Bayaran tersebut bagi mereka yang tidak mempunyai kemampuan membayar dikecualikan daripada bayaran dan juga bagi mereka yang hanya mampu membayar kurang daripada kadar yang dikenakan dibolehkan dikurangkan bayaran oleh doktor yang menjaga kes tersebut. Oleh itu, saya tidaklah anggap bahawa dengan adanya Perintah baru ini, rakyat golongan berpendapatan rendah dan di luar bandar enggan menerima rawatan di hospital dan sebaliknya mencari rawatan perubatan sendiri melalui dukun dan bomoh. Saya juga tidak sedar bahawa kenaikan bayaran hospital ini menyebabkan kenaikan pembayaran rawatan perubatan di klinik-klinik persendirian dan juga harga ubat-ubat.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apabila seorang Menteri menjawab bahawa beliau tidak sedar di atas satu-satu perkara yang berbangkit di dalam negara kita ini, adakah Menteri yang berkenaan yang memberi jawapan itu akan menjalankan penyiasatan, sebab saya tidak mendengar sepele pun daripada Menteri berkenaan bahawa

beliau tidak sedar dan akan menjalankan penyiasatan untuk mendapatkan keterangan yang lebih lanjut dalam sesuatu perkara yang beliau tidak sedar. Jadi, pertanyaan saya adakah Menteri berkenaan akan mengambil suatu penyiasatan untuk beliau sedar akan apa-apa yang berlaku.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, kesedaran ini apabila ada perkara berbangkit yang disampaikan kepada Kementerian. Oleh kerana sampai hari ini belum ada perkara berbangkit disampaikan kepada Kementerian, oleh itu saya menyatakan saya tidak sedar. Insya Allah, kalau ada perkara berbangkit disampaikan kepada Kementerian, maka dengan sendirinya penyiasatan itu dijalankan.

GURU SEMENTARA MENGAJAR BAHASA MALAYSIA

3. **Tuan T. S. Gabriel** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa ramai guru-guru sementara yang tidak berkelayakan dan berpengalaman telah diminta mengajar matapelajaran Bahasa Malaysia di beberapa buah sekolah Kerajaan di negara ini, dan jika ya, apakah tindakan-tindakan beliau telah ambil dalam perkara ini.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar dan penuh sedar. (*Ketawa*). Ya, Kementerian Pelajaran menyedari yang guru sementara tidak terlatih telah ditugaskan mengajar Bahasa Malaysia di setengah-setengah sekolah, khususnya di sekolah-sekolah jenis kebangsaan.

Walau bagaimanapun, satu kursus khas untuk melatih guru Bahasa Malaysia telah pun dimulakan dalam tahun 1974 dan sekumpulan 286 orang guru-guru Bahasa Malaysia telah menamatkan kursus mereka pada tahun lepas dan telahpun dihantar ke sekolah-sekolah bagi mengatasi kekurangan tersebut. Sehingga rancangan ini dapat membekalkan semua guru bahasa yang diperlukan, kita terpaksa guna guru sementara yang tidak terlatih. Harus diingatkan di sini dalam perkara ini pemilihan bukanlah antara guru yang tidak terlatih dengan guru yang terlatih. Pemilihan yang dihadapi oleh Kementerian ialah antara guru yang tidak terlatih dengan tidak ada guru sama sekali.

Ahli Yang Berhormat tentu bersetuju adalah lebih baik mengadakan guru sementara daripada tidak ada guru langsung.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita sedia maklum iaitu kepentingan pelajaran untuk masa hadapan seseorang murid adalah bergantung di peringkat Sijil Rendah Pelajaran atau L.C.E. Oleh sebab itu, saya ingin mendapat satu jaminan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran adakah apa-apa rancangan untuk menggunakan guru-guru yang berkelayakan Sijil Rendah Pelajaran pada masa yang akan datang.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan saya tujuan kita sudah sangat jelas. Jadi, ikhtiar atau usaha daripada Kementerian Pelajaran tentulah dapat dilanjutkan selama-lamanya.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Tadi Timbalan Menteri Pelajaran menyatakan bahawa Kementeriannya telah mengadakan latihan guru-guru sementara. Saya ingin membuat soalan tambahan iaitu guru-guru sementara yang telah dilatih selama tiga tahun itu, adakah setelah mereka tamat terus diserapkan sebagai pegawai Kerajaan atau hendak ditemuduga lagi oleh Suruhanjaya Pelajaran.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, tidak. Guru-guru sementara itu bila tamat menjalani kursus latihan selama tiga tahun berturut-turut, sekiranya dalam tempoh tiga tahun itu mereka mendapat kelulusan dalam Bahasa Malaysia dengan kepujian, mereka akan ditawarkan jawatan itu daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (S.P.P.). Kalau mereka dalam masa latihan tiga tahun itu tidak dapat kelulusan dengan kepujian dalam Bahasa Malaysia dan tidak dapat sijil latihan, maka tidak dapat ditawarkan jawatan itu. Jadi keistimewaan bagi mereka mestilah lulus dalam tiga tahun berturut-turut semasa mereka menghadiri kursus itu, mereka mesti berusaha supaya dapat kepujian dalam Bahasa Malaysia. Jadi kalau tidak berjaya selepas latihan itu, mereka cuma boleh dipanggil guru yang terlatih tetapi tidak dapat ditawarkan ke jawatan tetap. Jadi lepas itu kita memang beri mereka peluang untuk kelulusan dengan kepujian dalam Bahasa Malaysia jika mereka

masih ada mengajar dalam sekolah-sekolah. Kalau dalam masa ini jika tidak dapat kelulusan dalam Bahasa Malaysia dengan kepujian, saya rasa tidak ada siapa yang boleh menolongnya lagi. (*Ketawa*) Jadi, Kementerian Pelajaran memang sangat ber-simpati dalam hal ini.

GERABAK PENUMPANG KERETAPI

4. Datuk Dr Wee Khoon Hock minta Menteri Perhubungan menyatakan samada Kerajaan bercadang, dalam Rancangan Malaysia Ketiga, memodenkan gerabak-gerabak penumpang keretapi dan menukarkan landasannya di Pantai Timur Semenanjung Malaysia, yang telah dibina berpuluh-puluh tahun dahulu dan sangat merbahaya khususnya dalam musim hujan.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memanglah, bukan sahaja hendak memodenkan gerabak-gerabak penumpang keretapi tetapi juga hendak menambahkan gerabak-gerabak tersebut supaya kesesakan dalam keretapi tidak berlaku. Pesanan-pesanan telahpun dibuat. Keretapi Tanah Melayu berharap gerabak-gerabak itu akan tiba di negara ini selewat-lewatnya pada penghujung tahun ini.

Mengenai penukaran landasan di Pantai Timur, peruntukan telahpun dicadangkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

PUSAT PENGAJIAN TINGGI ISLAM NILAM PURI

5. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub minta Menteri Pelajaran menyatakan samada benar bahawa Pusat Pengajian Tinggi Islam Nilam Puri Kelantan akan dijadikan sebahagian daripada Universiti Malaya, dan jika ya, bila.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sedang dikaji dengan teliti oleh Universiti Malaya bersama dengan Pusat Pengajian Tinggi Nilam Puri dan rundingan masih lagi berjalan. Pada prinsipnya Kementerian Pelajaran telah bersetuju dengan cadangan ini. Tetapi beberapa masalah detail dan susunan kerja mestilah diatasi sebelum perkara ini menjadi kebenaran.

PENGEDAR GANJA

6. Tuan Abdul Aziz bin Tapa minta Menteri Undang-undang dan Peguam Negara menyatakan:

- (a) kedudukan ganja di negara kita dan samada keadaan ini telah menjadi lebih serious; dan
- (b) samada pengedar-pengedar ganja yang besar di negara ini telah ditangkap dan jika ya, berapa orang dan nilai ganja yang telah diedar oleh tiap-tiap seorang.

Timbalan Menteri Undang-undang (Tuan Rais Yatim): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Ladang-ladang ganja yang diusahakan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab pernah dijumpai di kawasan-kawasan pendalaman di negeri-negeri Johor, Perak, Pahang dan Pulau Pinang. Perangkaan rampasan-rampasan menunjukkan keadaan ini tidak tetap, ada kalanya keadaan rampasan melambung naik manakala di masa lain pula turun. Dengan ini adalah sukar untuk menaksir keadaan yang sebenarnya. Rampasan-rampasan ganja oleh pihak penguatkuasaan iaitu Polis, Kastam dan Pusat Biro Narkotik Negara dalam tahun 1973 berjumlah 2,214 paun yang merosot ke 871 paun sahaja pada tahun 1974 dan bertambah pula ke 913 paun di akhir tahun 1975. Rampasan pokok ganja pula berjumlah 47,401 dalam tahun 1973, 5,141 pokok tahun 1974 dan melambung ke 84,327 pokok di akhir tahun 1975.
- (b) Agensi-agensi Penguatkuasaan ada pernah menangkap pengedar-pengedar ganja yang besar di negara ini. Semenjak tahun 1973 hingga ke akhir tahun 1975 agensi penguatkuasaan ini telah menangkap seramai 37 orang atas kesalahan mengedar ganja. Kes yang terbesar pernah disabitkan melibatkan ganja seberat 90 paun bernilai \$10,800 dan sekecil-kecilnya sebanyak 2,000 kertus bernilai \$4,000. Kes yang lain masih menunggu perbicaraan.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan bahawa pengedaran dan

penanaman ganja dalam negara kita ini bertambah melambung naiknya. Dengan peruntukan Undang-undang yang ada sekarang ini tidak begitu berkesan dan kuat. Adakah Kementerian ini bercadang hendak menguatkan lagi Undang-undang siapa juga yang dapat salah berhubung dengan ganja dan pengedaran ini.

Tuan Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, pernah dijawab dalam Dewan yang mulia ini iaitu Undang-undang Penyalahgunaan Dadah adalah cukup ketat dan kuat di negara ini. Walau pun jumlah tangkapan dan juga anasir-anasir pengedar dadah bertambah dari segi peringkat ini tidak bermakna Kerajaan tidak sanggup atau upaya mengadakan rancangan-rancangan supaya penyalahgunaan ini dapat diturunkan.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengatakan tidak begitu berkesan Rang Undang-undang kita ini umpamanya, seorang yang telah dihukum kena buang di Pulau Jerjak, lepas itu dikenakan hukum buang daerah, mereka merasa buang daerah itu dia menjalankan kerja ini juga dengan heroinnya dan pengedar ganja. Jadi, menurut hemah saya mereka yang keluar daripada Pulau Jerjak itu tidak usah dibuang daerah, dibuang dia dari dunia ini, tidakkah boleh yakni dihukum bunuh.

Tuan Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, bagi membunuh seseorang itu, mengeluarkannya sama sekali dari negara ini setelah keluar dari Pulau Jerjak bukanlah bersabit hanya dengan persoalan ganja ataupun dadah, tetapi adalah persoalan dan cadangan baharu yang terpaksa dikemukakan dan diperbincangkan lebih mendalam. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, suka saya menegaskan iaitu orang-orang yang menyalahgunakan dadah ataupun melarikan dadah dari satu tempat ke satu tempat di negara kita dengan tujuan menjual, mengedar ataupun memakan adalah menemui di sini Undang-undang beberapa kesiksaan yang setakat ini telah terbukti sebagai amat ketat, dan pada masa ini Kerajaan belum lagi bercadang untuk menambahkan kepada peruntukan-peruntukan Undang-undang yang sedia ada.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar, Tuan Yang di-Pertua, bahawa di

antara manusia yang jadi mengedar dadah ini ada orang dagang, orang Amerika. Kita telah hukum dan kita telah hantarkan dia ke Pulau Jerjak. Tetapi mereka membantah hukuman yang dikenakan kepada mereka itu. Mereka hendak membuat ulang bicara. Menurut keterangannya bahawa hukuman yang dijatuhkan kepada mereka itu tidak sah. Adakah benda ini benar atau tidak?

Tuan Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, sebarang peroses penyelenggara yang dijalankan oleh Mahkamah adalah sesuatu yang berjalan kuatkuasanya tersendiri. Jika seseorang atau mana-mana pihak memerlukan mana-mana ulang bicara atas mana-mana kes, ianya bolehlah berbuat demikian menerusi jentera perundangan yang sedia ada di negara kita. Setakat ini Kementerian saya tidak ada menerima apa-apa butir ber-sabit dengan kes yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu. Sekiranya ada dan perlu diketengahkan, silalah beri maklumat-maklumat yang seterusnya supaya dapat dikemukakan dan diambil langkah-langkah di atasnya.

Datuk J. E. S. Crawford: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Timbalan Menteri sedar iaitu bas persiaran "tourist coach" banyak datang dari Negeri Thailand. Adakah diperiksa baik-baik sebelum ia datang ke negeri kita? Dahulu tidak berapa banyak bas persiaran besar daripada Negeri Thailand, tetapi sekarang tiap-tiap minggu, beratus-ratus kita boleh nampak mereka berjalan di sini. Adakah diperiksa dengan baik? Ini saya hendak tanya.

Tuan Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, pemeriksaan ke atas sebarang kenderaan yang masuk atau keluar dari kawasan-kawasan sempadan adalah dijalankan dengan teliti oleh pihak Polis dan Kastam. Oleh itu, walaupun Ahli Yang Berhormat itu ada melihat kenderaan-kenderaan ini datang dari Utara ke Selatan, atau menerusi kawasan-kawasan sempadan ianya telah dipastikan bahawa kenderaan-kenderaan itu telah diteliti dan diperiksa dengan cermat oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Tuan Abdul Aziz bin Tapa: Soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab bahawa kita sudah cukup peruntukan Undang-undang untuk membenters

dadah ini, tetapi Undang-undang telah dibuat adakah Kementerian menjalankan betul-betul Undang-undang itu. Jangan hanya tertulis tetapi tidak diamalkan. Itu soalan saya.

Tuan Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, Undang-undang yang berkuatkuasa sekarang menerusi jentera kehakiman di negara kita ialah Ordinan Dadah Merbahaya iaitu yang mengandungi peruntukan-peruntukan untuk membenters kegiatan-kegiatan berhubung dengan penyalahgunaan dadah. Adalah salah jika dianggap oleh Ahli Yang Berhormat itu iaitu Kementerian Undang-undang tidak menjalankan 100% akan peruntukan-peruntukan ini. Kementerian ini adalah mempunyai beberapa Cawangan dan Jabatan di bawahnya. Salah satu daripadanya ialah Biro Narkotik Negara, selainnya ialah dengan kerjasama Polis dan Kastam. Oleh itu mana-mana kes yang dikemukakan kepada kehakiman "to the justice of the nation", kita adalah mengambil tindakan yang setimpal iaitu terdapat 3,202 kes tangkapan dan juga penyalahgunaan dadah yang telah dapat dikemukakan kepada kehakiman.

Datuk Syed Hassan Aidid: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya dengan pendek iaitu di dalam masalah pengedar dadah ini berapakah orang yang dikenakan hukum yang berat sekali.

Tuan Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, hukuman yang paling berat dalam pengedaran penyalahgunaan dadah jika thabit kesalahannya oleh Mahkamah ialah hukuman mati. Ini adalah setinggi-tinggi hukuman yang diterima oleh seseorang itu dan ini sudah patut dan perlu menjadi ingatan kepada barang siapa yang terlibat dalam kegiatan ini supaya mengambil perhatian yang berat terutama masyarakat seluruhnya.

Datuk Syed Hassan Aidid: Adakah orang ini sudah dihukum mati atau belum lagi?

Tuan Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa kes pada masa ini yang masih dalam penyelenggaraan mahkamah. Oleh itu, tidaklah boleh saya kemukakan sebagai maklumat kepada sidang ini samada kes ini diputuskan dan melibatkan perbicaraan sehingga mengakibatkan hukuman mati atau sebaliknya. Ini sama-samalah kita tunggu supaya keadilan dapat dijalankan.

BAHAN SEJARAH TENTANG SERANGHENDAP KOMINIS

7. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada Kementerian beliau mempunyai rancangan untuk mengumpul bahan-bahan sejarah tentang seranghendap pengganas-pengganas kominis terhadap Balai-balai Polis sejak darurat-darurat dahulu dan mencatatkan terajidi-terajidi tersebut, seperti terajidi Bukit Kepong, Johor.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, bahan-bahan sejarah di atas insiden-insiden yang dilakukan oleh pengganas-pengganas kominis sejak darurat dalam bulan Jun, 1948 adalah dicatitkan dalam arkib-arkib Polis di Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia, Kuala Lumpur.

Selain daripada itu, satu bahagian iaitu Field Equipment Investigation Section sedang membuat kajian-kajian di tempat-tempat kejadian semua insiden yang dilakukan oleh pengganas-pengganas kominis yang melibatkan pasukan polis. Detail-detail mengenai kejadian ini akan dirujukkan kepada Arkib Polis untuk catitan sejarah.

DEMONSTRASI PELAJAR-PELAJAR I.T.M.

8. Puan Hajjah Tom Saudah binti Haji Othman minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah sebab-sebab pelajar-pelajar kita mengadakan demonstrasi-demonstrasi tempoh hari dan sebutkan:

- (a) hingga setakat ini berapa jumlah pelajar-pelajar yang ditangkap di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri yang berpunca dari demonstrasi yang ditunjukkan oleh mereka baru-baru ini;
- (b) jumlah yang diterima balik masuk belajar di institusi-institusi di sini dengan bersyarat; dan
- (c) jumlah yang belum dipanggil belajar lagi di masa ini.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang jelas mengenai soalan daripada Ahli Yang Berhormat itu. Kiranya apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah demonstrasi-demonstrasi

yang telah diadakan oleh penuntut-penuntut Institusi Teknologi MARA baru-baru ini, jawapannya adalah seperti berikut:

Sebab pelajar-pelajar I.T.M. mengadakan demonstrasi pada 5hb-10hb Januari 1976 yang lalu mengikut penjelasan yang dibuat oleh penuntut-penuntut yang terlibat dan pemimpin mereka ialah pada 15hb Disember, 1975, Pengarah I.T.M. telah mengeluarkan surat pekeliling berkenaan disiplin kepada semua pelajar-pelajar I.T.M. Salinan surat itu juga telah dihantar kepada semua ibu-bapa dan penjaga pelajar-pelajar itu. Di antara lain, surat itu menyatakan iaitu pihak pentadbir I.T.M. akan melaksanakan dengan sepenuhnya segala peraturan tatatertib yang telah lama berada di dalam Buku Panduan Pelajar I.T.M. apabila I.T.M. dibuka semula pada 5hb Januari, 1976. Salah satu daripada peraturan itu ialah mengenai pakaian dan berambut pendek, bukan panjang.

Kandungan siaran ini telah disiarkan oleh pihak akhbar dan ini kononnya, mengikut pemimpin penuntut, memburukkan imej penuntut I.T.M. Mereka lalu mengambil tindakan menghalang Pendaftaran penuntut apabila I.T.M. dibuka semula pada 5hb Januari, 1976. Dengan ini kuliah-kuliah tidak dapat diadakan. Pembukaan institusi pelajaran tidak bermakna jika pelajaran tidak berlaku. Dengan halangan dari penuntut maka terpaksalah kampus I.T.M. ditutup, supaya pembukaannya dapat disusun semula tanpa halangan daripada mana-mana pihak.

- (a) Di demonstrasi-demonstrasi tersebut tiada seorang pelajar pun yang telah ditangkap di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Walau bagaimanapun terdapat dua kejadian di mana pelajar-pelajar telah ditangkap di bawah Kanun Keseksaan (Penal Code).
 - (i) Dalam bulan Januari sebilangan 17 orang pelajar telah ditangkap di bawah Seksyen 147, Kanun Keseksaan.
 - (ii) Dalam bulan Mac, 6 orang pelajar-pelajar telah ditangkap di bawah Seksyen 147, kanun tersebut.
- (b) jumlah pelajar-pelajar yang telah diterima balik sehingga 26-4-76 ialah 6,087 orang.
- (c) Jumlah pelajar yang masih belum dipanggil balik ialah 55 orang.

TANGGAGAJI PEGAWAI-PEGAWAI POLIS

9. Tuan T. S. Gabriel minta Perdana Menteri menyatakan bilakah anggota-anggota Angkatan Polis di Raja Malaysia akan mendapat tanggagaji baru mereka sebagaimana yang diumumkan oleh Kerajaan tidak beberapa lama dahulu.

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya sukacita memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa setakat ini Kerajaan telahpun selesai menimbangankan tanggagaji baru bagi pegawai-pegawai dan anggota-anggota Polis berpangkat Ketua Inspektor kebawah. Butir-butir bagi tanggagaji ini akan diumumkan tidak lama lagi.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Menteri itu. Saya hendak bertanya berkenaan dengan kenaikan pangkat. Pada masa sekarang jika seorang Senior Constable yang telah cukup masa hendak dinaikkan ke pangkat Corporal . . .

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan lain.

PENGEDAR DADAH DAN SENJATAPI SECARA HARAM

10. Puan Hajjah Tom Saudah binti Haji Othman minta Menteri Undang-undang menyatakan berapa banyakkah pihak Kementerian ini dapat membawa ke Mahkamah hingga terhukum orang-orang yang terlibat menyalahgunakan dadah atau menggunakan senjata secara haram seperti berikut:

- (a) Pengedar-pengedar dadah;
- (b) Pembeli-pembeli dadah;
- (c) Penghisap-penghisap dadah; dan
- (d) Pemunya-pemunya senjata.

Tuan Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, sepanjang tahun 1975 seramai 3,202 orang telah ditangkap dan didakwa atas kesalahan-kesalahan berkaitan dengan dadah di negara ini oleh Ajensi-ajensi Penguatkuasaan. Dari jumlah ini sebahagian besar dari mereka ialah pembeli-pembeli dadah. Pecahan-pecahan tangkapan adalah seperti berikut:

- (a) Pengedar-pengedar dadah 14 orang
- (b) Pembeli-pembeli dadah ... 3,188 orang

(c) Penghisap-penghisap dadah jumlah ini tidak termasuk dalam bilangan yang disebutkan di atas sebentar tadi.

(d) Pemunya-pemunya senjata 89 orang bagi tempoh 1-1-75 hingga 20-4-76.

Dari jumlah 3,202 orang dituduh di Mahkamah atas kesalahan-kesalahan. Sebahagian besar dari mereka telah tidak mengaku salah dan meminta pembicaraan. Pembicaraan masih lagi belum selesai. Sehingga ini hanya sebahagian dari mereka yang telah sabit atas kesalahan membeli dadah dijatuhkan hukum sementara yang lain masih menunggu hari pembicaraan.

KEJATUHAN MORAL RAKYAT

11. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein minta Perdana Menteri menyatakan apakah tindakan positif oleh Kerajaan bagi mengatasi kejatuhan moral rakyat dari berbagai lapisan, dari semua golongan baik di luar dan dalam bandar di kalangan kakitangan Kerajaan dan bukan kakitangan Kerajaan, dari semua bangsa dan agama, di negara ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa memandang berat akan segala perubahan yang berlaku mengenai kejatuhan moral rakyat dalam perkembangan dunia di zaman sains dan teknologi ini. Maka adalah menjadi dasar Kerajaan berusaha mengujudkan keseimbangan pembangunan material dengan pembangunan moral dan kerohanian.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat maklum, Kerajaan telahpun mengambil berbagai-bagai usaha dan langkah positif untuk mengawasi kejatuhan moral di kalangan rakyat dari berbagai golongan dan lapisan masyarakat melalui berbagai-bagai ajensi Kerajaan seperti Kementerian Pelajaran, Kementerian Penerangan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri.

Oleh kerana Kerajaan menyedari betapa penting peranan pendidikan dan pelajaran dalam usaha mengatasi kejatuhan moral, maka sistem Pelajaran Kebangsaan yang

berjalan dengan pesatnya sekarang juga menitikberatkan pengajaran agama, sivik dan tata-negara yang memberi asas kepada rakyat di negara ini supaya mempunyai moral yang tinggi. Di samping itu usaha-usaha telah dijalankan untuk membaiki lagi pelaksanaan pelajaran agama Islam di sekolah-sekolah kepada pelajar-pelajar yang beragama Islam dan dengan tujuan melatih mereka supaya patuh kepada perintah-perintah Allah dalam usaha membentuk masyarakat yang berakhlak mulia.

Dari segi menyekat pengaruh kebudayaan kuning ke negara ini, usaha-usaha telah dijalankan oleh Kerajaan seperti mengharamkan buku-buku lucah, majallah-majallah dan filem-filem yang mengandungi unsur-unsur yang bertentangan dengan nilai-nilai akhlak rakyat di negara ini.

Bagi belia-belia pula, Kerajaan juga menitikberatkan soal moral di kalangan mereka menerusi kursus-kursus kepimpinan dan sempamannya dan dengan mengadakan program aktiviti-aktiviti kebudayaan, belia dan sukan yang baik lagi berfaedah serta penerangan-penerangan mengenainya untuk membolehkan para belia melibatkan diri di dalamnya, dan juga menghindarkan mereka daripada pengaruh-pengaruh dan kegiatan-kegiatan liar dan buruk. Usaha-usaha membasmi penyalahgunaan dadah, khususnya di kalangan belia-belia di negara ini sedang dipergiatkan.

Mengenai soal moral di kalangan kakitangan Kerajaan pula, suka saya menegaskan di sini bahawa semua kakitangan Kerajaan adalah tertakluk di bawah peraturan mengenai kelakuan dan tatatertib sebagaimana yang terkandung di dalam Perintah Am Bab "D" (1969). Peraturan yang lebih kurang sama adalah dipakai bagi Badan-badan Berkanun. Peraturan-peraturan ini sedang dikuatkuasakan dan tindakan disiplin yang sewajarnya diambil terhadap kakitangan Kerajaan yang melanggarnya.

Usaha-usaha mempergiatkan dakwah juga telah dijalankan oleh Kerajaan dengan mengadakan kursus-kursus dakwah dan ceramah-ceramah agama kepada kakitangan Kerajaan dan orang ramai. Kerajaan telah menubuhkan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia yang ditugaskan untuk menyelaraskan kegiatan-kegiatan dakwah dan memberikan bantuan-bantuan yang sesuai kepada badan-badan dakwah di seluruh negara.

Kursus-kursus dakwah di peringkat negeri telah dianjurkan oleh Yayasan tersebut dengan kerjasama Jabatan-jabatan Agama Islam Negeri. Sementara itu risalah-risalah penerbitan percuma dan poster-poster dakwah telah juga dikeluarkan dari masa ke semasa untuk tatapan dan bacaan orang ramai.

Semua usaha yang telah saya sebutkan tadi merupakan sebahagian sahaja daripada keseluruhan usaha-usaha positif Kerajaan untuk memelihara moral rakyat di negara ini. Saya rasa tidaklah perlu saya huraikan usaha-usaha Kerajaan dalam berbagai-bagai bidang mengenai perkara ini.

Walau bagaimanapun, suka saya menarik perhatian Ahli Yang Berhormat bahawa tanggungjawab ini tidaklah mesti dibebankan ke atas Kerajaan semata-mata, tetapi ianya ditanggung bersama oleh setiap rakyat dari semua golongan dan peringkat, lebih-lebih lagi pemimpin-pemimpin agama dan masyarakat.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soal tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, saya ingin hendak mendapat penjelasan sedikit. Tolong huraikan takrif seseorang itu telah dikatakan jatuh moralnya supaya dapat dijadikan satu panduan kepada rakyat menentukan sempadannya, kalau buat begini: jatuh moralnya, buat macam ini: tidak jatuh moralnya. Jadi, saya hendak takrif yang dikatakan jatuh moralnya.

Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin, soalan ini dibuat dengan secara bertulis supaya dapat dihuraikan, kerana takrif ini terlampau luas dan memerlukan sebuah buku, mungkin kita menggunakan satu kursus khas untuk menjelaskan perkara itu.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai cadangan-cadangan serta kehendak-kehendak Kerajaan. Saya ingin hendak mendapat jaminan dan ketegasan, adakah kehendak-kehendak yang disebutkan yang telah menjadi hasrat Kerajaan yang Jabatan Perdana Menteri telah mendapat kerjasama daripada semua Kementerian-kementerian dalam Kerajaan kita sekarang ini, sebab saya bimbang

hasrat yang diterangkan itu amat baik sekali, tetapi takut tinggal di kalangan Jabatan Perdana Menteri sahaja dengan tidak mendapat kerjasama di seluruh Kementerian yang ada dalam Kerajaan sekarang ini, terutama Kementerian Penerangan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Pelajaran dan sebagainya.

Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Saya ucapkan terima kasih. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat maklum dan seluruh Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ini maklum bahawa usaha-usaha ini memanglah diselaraskan kepada semua Kementerian-kementerian, ini kalau kita kaji dengan teliti adalah terbukti. Misalnya Jabatan Penerangan sahaja di bawah RTM, pendek kata daripada mula dipancarkan waktu pagi hingga terus-menerus berputar siberan ini ada mengandungi unsur-unsur nasihat, unsur-unsur bimbingan kepada belia, muda-mudi dan semua golongan masyarakat kita dengan secara disadari ataupun tidak. Sehingga pada hari ini untuk mengingatkan kaum Muslimin-muslimat menunaikan waktu sembahyang lima waktu juga diperingatkan menerusi Radio dan TV. Begitu juga ada siaran-siaran khusus di malam Jumaat atau lain-lain yang berunsurkan kepada nasihat-nasihat dalam masaalah akhlak dan moral serta tatatertib atau tata negara bagi seseorang rakyat. Begitu juga Kementerian lain seperti Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Pelajaran seperti yang saya nyatakan tadi dan badan-badan lain.

Bagi kakitangan-kakitangan Kerajaan sendiri memang telah banyak jabatan-jabatan yang disediakan tempat mereka mengadakan perbincangan selepas pejabat-pejabat dalam hal sivik terutama sekali dalam hal ehwal agama. Juga disediakan tempat beribadat atau musalla di beberapa jabatan Kerajaan dan usaha seperti ini akan terus dijayakan di semua Kementerian-kementerian di bawah dasar Kerajaan kita adalah memahami tujuan ini.

Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan, pada sedikit masa dahulu ada satu anjuran Allahyarham Datuk Haji Wan Abdul Kadir mengenai Kursus Dakwah Islamiah di Universiti Kebangsaan yang telah dibuka

oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, adakah pegawai-pegawai tinggi yang ditunjukkan oleh urusan dakwah ini telah mendapat sambutan yang baik dan adakah pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri berpuas hati dengan sambutan yang diberikan itu?

Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat itu. Majlis yang diadakan di Universiti Kebangsaan, Fakulti Islam adalah Dakwah Islamiah iaitu yang dianjurkan oleh Persatuan Mahasiswa Pengajian Tinggi Islam dari Timur Tengah ataupun daripada negara-negara Islam. Ini adalah sebagai satu permulaan untuk mengadakan koordinasi kepada semua ahli-ahli intelek kita supaya merapatkan diri dan menyusun program yang boleh diatur keseluruhannya dan saya yakin usaha permulaan ini telah mendapat sambutan yang sangat baik dan juga telah menarik kepada semua golongan-golongan intelek Islam supaya dapat memberi contribution masing-masing serta menjalankan usaha-usaha dakwah di bawah usaha Dakwah ini.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya berterima kasih apa yang dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang berkenaan dengan adanya yayasan dakwah dan dakwah di negeri-negeri itu telah mendapat sambutan baik dan kerjasama. Apa yang saya ingin tahu, adakah dakwah ini dapat dijalankan dan sudah berjalan sampai ke peringkat Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri?

Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Tuan Yang di-Pertua, jawapannya ya, sudah dan akan diteruskan lagi.

DADAH—KESALAHAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN

12. **Tuan T. S. Gabriel** minta Menteri Undang-undang menyatakan bilangan pegawai-pegawai Kerajaan termasuk mereka yang dari angkatan Polis dan Tentera yang telah ditangkap dan dibawa ke Mahkamah kerana mengguna atau menyimpan dadah berbahaya.

Tuan Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, bilangan pegawai-pegawai Kerajaan yang dihadapkan ke Mahkamah atas kesalahan-kesalahan dadah di sepanjang tahun 1975 adalah kecil. Dari jumlah 3,202 orang yang telah ditangkap dan didakwa di Mahkamah dalam tahun 1975 hanya 61 orang sahaja terdiri daripada pegawai-pegawai Kerajaan. Dari jumlah ini pula 9 orang adalah dari Polis dan 8 orang dari Angkatan Tentera Malaysia yang didakwa atas kesalahan menggunakan dadah.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pegawai-pegawai Polis dan Anggota Tentera kita yang telah terlibat dalam masalah dadah ini telah diambil tindakan tatatertib untuk diberhentikan mereka daripada jawatannya?

Tuan Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, soalan memberhentikan pegawai-pegawai dari Angkatan Tentera dan Polis berhubung dengan mana-mana kesalahan adalah teresah kepada pentadbiran dan juga Bahagian Penguatkuasa dalam pentadbiran yang berkenaan. Saya percaya apabila kes-kes yang bersabit dengan pegawai-pegawai tersebut berjalan ataupun selesai, maka pihak-pihak yang berkenaan akan mengambil tindakan yang sewajarnya sebagaimana selalu dilakukan.

BAJA DARIPADA BAHAN TEMPATAN

13. Tuan Abdul Aziz bin Tapa minta Menteri Pertanian menyatakan samada Kementerian beliau telah membuat sebarang ikhtiar untuk mengeluarkan baja yang lebih murah dengan menggunakan bahan-bahan tempatan bagi faedah peladang-peladang kita.

Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, agak sulit untuk mendapatkan bahan-bahan tempatan sebagai baja oleh kerana bahan-bahan tempatan yang boleh dijadikan baja ialah baki-baki makanan yang tidak boleh dimakan seperti lebih-lebihan nasi, kulit-kulit buah-buahan, reja-reja sayur-sayuran dan juga najis manusia dan binatang, darah-darah dan tulang-tulang binatang daripada rumah-rumah sembelih

dan sebagainya untuk dijadikan baja daripada benda-benda yang disebutkan ini adalah melibatkan satu proses yang agak rumit dan memakan belanja yang banyak, kerana benda-benda itu perlu juga dikutip, diangkut dan disimpan di satu tempat untuk beberapa ketika sebelum benda-benda itu dijadikan baja. Benda-benda seperti lebih-lebihan makanan pula pada biasanya diberikan kepada binatang-bintang pemeliharaan masing-masing sebagai makanan. Maka dengan demikian benda-benda tersebut tidaklah begitu banyak untuk dijadikan bahan-bahan baja, lagipun benda-benda ini lekas busuk dan ada kemungkinan pula diserang oleh serangga-serangga. Benda-benda ini tidaklah begitu sesuai untuk disimpan atau diangkut melainkan jika digunakan dengan sertamerta. Oleh yang demikian, bagi mengeluarkan baja untuk kegunaan petani-petani kita dengan menggunakan bahan-bahan tempatan ini tidaklah ekonomi.

TEMBAKAU VIRGINIA

14. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) banyaknya tembakau virginia yang diperlukan oleh kilang-kilang rokok di negara ini;
- (b) banyaknya tembakau kering yang diimpot; dan
- (c) banyaknya tembakau tempatan yang digunakan.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) 1973—kira-kira 20.762 juta paun
1974—kira-kira 22.758 juta paun
1975—kira-kira 23.764 juta paun.
- (b) 1973—kira-kira 10,402 juta paun
1974—kira-kira 16.068 juta paun
1975—kira-kira 4.057 juta paun.
(Jan.—Nov.)
- (c) 1973—kira-kira 10.350 juta paun
1974—kira-kira 9.828 juta paun
1975—kira-kira 12.717 juta paun.

Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah: Soalan tambahan. Saya rasa dalam sedikit masa lagi kita akan mengadakan satu label kepada rokok-rokok supaya mencegah penyakit cancer. Adakah Kementerian telah

membuat persiapan sekiranya kekurangan penghisap-penghisap rokok apa akan jadi kepada penanam-penanam tembakau?

Tuan Yang di-Pertua: Ini soalan lain, tidak ada kaitan dengan pertanyaan asal.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berdasarkan kepada keterangan Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi nampaknya negara kita masih lagi mengimpot tembakau-tembakau kering untuk keperluan penghisap-penghisap rokok dalam negara kita. Kenapakah kita dapati pada masa sekarang ini quota untuk penanam-penanam tembakau dalam negeri ini dikurangkan sedangkan kita masih memerlukan impot tembakau daripada luar negeri penanam-penanam tembakau yang ada mengusahakan dalam negeri ini kita kurangkan quotanya.

Tuan Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, kita menggunakan quota kerana permintaan tembakau untuk mengurangkan tembakau. Kerajaan kita mencuba menggunakan banyak tembakau tempatan tetapi pelanggan-pelanggan (customers) suka menggunakan rokok yang tembakaunya diimpot dari luar negeri.

Datuk Dr Wee Khoo Hock: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah langkah yang sedang diambil atau yang telah diambil oleh Kementerian untuk mengkaji dan memperbaiki mutu tembakau tempatan supaya tembakau kita dapat menyaingi dengan tembakau asing yang diimpot supaya pendapatan kaum petani kita dapat dipelihara atau ditambah lagi ataupun soal ini dibiarkan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Ini soalan lain, boleh memberi notis pada lain kali.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG BADAN-BADAN BERKANUN

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (30hb April, 1976)

3.29 ptg.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, pada masa persidangan ini ditangguhkan, saya sedang memberi pandangan kepada Menteri yang berkenaan tentang beberapa perkara berkenaan dengan badan-badan awam.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memperbaiki badan-badan awam ini kita perlu mengkaji keseluruhan perbadanan-perbadanan yang ada di dalam negara kita ini, kerana kalau sekiranya kita membawa satu-satu pindaan dengan tidak mengkaji keseluruhan perjalanan dan kedudukan badan-badan awam itu, maka kita sentiasalah akan menempuh berbagai-bagai kesulitan yang terpaksa Parlimen ini membawa berbagai-bagai pindaan daripada satu masa ke satu masa. Jadi oleh kerana Menteri yang berkenaan ini baru mengambil alih ataupun baru dilantik menjadi Menteri yang bertugas untuk menyelenggarakan perbadanan-perbadanan awam ini, maka saya suka memberi cadangan kepada Menteri yang berkenaan supaya dalam perkara undang-undang ini dikaji dengan keseluruhan kedudukan undang-undang perbadanan-perbadanan awam ini.

Saya suka hendak memberi satu contoh seperti Undang-undang MARA yang ada sekarang. Pada mula-mula kita buat Undang-undang MARA ini, apabila undang-undang ini berjalan tidak lama kemudian, kita terpaksa meminda undang-undang tersebut. Pindaan itu terpaksa kita buat, kerana kita dapati kesulitan-kesulitan dalam menjalankan Undang-undang MARA itu. Pindaan yang pertama tidak selesai, maka pindaan yang kedua pula kita bawa. Bermakna Undang-undang MARA itu telah dua kali kita pinda di dalam masa yang sangat singkat. Pada mula-mulanya Undang-undang MARA ini ditadbirkan oleh 17 orang ahli yang dipanggil Majlis MARA. Ahli-ahli Majlis MARA yang 17 orang ini tidak dapat berjalan dengan baik dan dengan sebab itu maka dihapuskan Majlis MARA yang anggotanya 17 orang ini dipinda dan dijadikan Majlis MARA yang mempunyai ahli cuma 7 orang sahaja dan mereka itu ialah daripada Pengarah-pengarah MARA yang menjalankan tugas aktiviti-aktiviti MARA itu. Apabila kita dapati perjalanan MARA itu belum lagi dapat dilicinkan, maka kita bawa satu pindaan lagi iaitu menghapuskan

pula Badan Penasihat MARA, sebuah badan yang menasihatkan kepada Menteri dalam polisi-polisi perjalanan MARA itu.

Pada masa ini MARA ditadbirkan oleh 7 orang Pengarah yang dipengerusikan oleh seorang Pengerusi yang menjadi Ketua Pengarah mengikut undang-undang ini. Pada faham saya, MARA dijalankan oleh 7 orang pengarah yang mempunyai kuasa-kuasa menjalankan aktiviti-aktivitinya sendiri. Kalau apapun silap yang berlaku atau dilakukan oleh pengarah itu, maka pengarah itu akan menegakkan kesilapan itu, kerana merekalah yang mengendalikan Majlis MARA itu dan tidak ada badan lain yang mengatasi perjalanan Majlis MARA yang berjalan itu.

Saya ada sedikit pengalaman dalam perkara MARA ini, kerana saya pernah dilantik menjadi Badan Penasihat MARA, tetapi sempat bermesyuarat sekali, lepas itu badan itu dibubarkan. Jadi sempat saya masuk menjadi ahli Penasihat MARA sekali, mesyuarat sekali dan dibubarkan dan saya terpaksa berhenti daripada menjadi ahli Badan Penasihat MARA itu. Daripada pengalaman saya ini dapatlah saya katakan bahawa Undang-undang MARA yang ada ini belum begitu kemas untuk menjalankan MARA bagi masa hadapan ini, kerana MARA tidak mempunyai satu badan yang baik, yang mempunyai pengalaman, yang mempunyai kuasa dalam menjalankan aktiviti-aktiviti MARA itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pindaan ini kita dapat melihat, bahawa kita tidak meminda dalam perkara set-up ataupun kuasa-kuasa tadbir MARA itu. Ini bermakna MARA tidak mempunyai satu badan yang boleh menjalankan pentadbiran itu dengan secara perniagaan. MARA ini adalah badan perniagaan dan tidak ada pakar-pakar perniagaan di dalam MARA itu. Apabila tidak ada pakar-pakar perniagaan bermakna MARA itu diperniagakan oleh mereka sebagai orang-orang yang makan gaji yang digaji untuk menjalankan tugas. Biasanya pegawai-pegawai Kerajaan yang mempunyai pengalaman tadbir bukan pengalaman dalam menjalankan perniagaan dan tidak hairanlah kalau sekiranya kita melihat segala perniagaan yang dijalankan itu mendapat kerugian, kerana cara perjalanan itu tidak dengan cara perniagaan, hanya dengan cara pentadbiran. Inilah kelemahan yang ada pada Perbadanan Kerajaan. Ini saya tunjuk

satu sahaja contohnya iaitu MARA. Belum lagi kita meneliti bagaimana Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri yang berjalan di tiap-tiap negeri dalam negara kita ini.

Ada Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri yang ditadbirkan oleh seorang yang pakar dalam perniagaan dan mereka boleh menjalankan perniagaan dengan baik, tetapi ada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri yang dijalankan oleh badan-badan yang tidak mempunyai pakar-pakar perniagaan, yang tidak mempunyai pengalaman dalam perniagaan maka perbadanan itu menjadi satu perbadanan yang merugikan Kerajaan. Ini saya rasa perlu bagi Kementerian yang baru ini meneliti keseluruhan undang-undang. Kalau perlu kita adakan satu undang-undang yang seragam bagi semua Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri di seluruh negara kita ini. Umpamanya, Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri yang ada di negeri-negeri yang mempunyai berlainan kuasa, berlainan set-up dan berlainan susunan, maka kita jadikan satu perbadanan yang mempunyai undang-undang yang seragam yang disusun oleh Kerajaan Pusat dan menguatkuasakan di dalam tiap-tiap perkara Negeri. Ini adalah lebih baik dalam melaksanakan undang-undang itu. Umpamanya, saya beri contoh dalam negeri Perak baru-baru ini telah mengemukakan satu pindaan untuk memberi kuasa kepada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perak boleh menjamin anak-anak syarikatnya yang meminjam wang daripada Bank, tetapi barangkali Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi di negeri lain belum lagi dapat pengalaman dan kesedaran yang perlu kepada pindaan ini dan barangkali ada negeri-negeri yang tidak nampak pindaan-pindaan ini diperlukan. Ini berlainan pentadbiran, berlainan corak undang-undang yang boleh menyebabkan kelemahan-kelemahan yang timbul di dalam perbadanan-perbadanan awam ini.

Saya rasa undang-undang kita ini disusun oleh pakar undang-undang dan sangat sedikit pakar undang-undang yang menjalankan perniagaan. Kalau kita suruh pakar undang-undang ini menjalankan perniagaan, sudah tentu mereka tidak dapat menjalankan perniagaan, kerana mereka bukan ahli perniagaan. Mereka adalah ahli undang-undang.

Jadi untuk menyusun satu pindaan undang-undang berhubung dengan perniagaan ini, perlulah pakar undang-undang ini membuat satu perundingan dengan Dewan-dewan perniagaan, umpamanya. Kita ada Dewan Perniagaan Melayu Malaysia, Dewan Perniagaan India, Dewan Perniagaan Antarabangsa, Dewan Perniagaan China dan seterusnya berbagai-bagai dewan perniagaan yang mereka ini mempunyai pakar-pakar perniagaan yang boleh memberi pandangan dan nasihat kepada pakar-pakar undang-undang yang ada di Jabatan Undang-undang kita ini untuk meneliti dan mengkaji bagaimana perlunya untuk mengemaskan perbadanan-perbadanan awam yang ada di seluruh negara kita ini. Ini dari segi undang-undang. Kita faham bahawa perbadanan-perbadanan awam inilah yang akan menentukan nasib negara kita untuk mendapatkan imej yang baik kepada bumiputra dalam lapangan ekonomi. Kalau kita gagal menjalankan perbadanan-perbadanan awam ini dan perbadanan-perbadanan awam ini tidak dapat menaikkan ekonomi bumiputra, maka imej bumiputra akan jatuh dan Kerajaan tidak akan dapat menanggung kerugian untuk memberikan seberapa banyak wang dalam masa berpuluh-puluh tahun untuk menyelesaikan masalah bumiputra dalam ekonomi dan perdagangan.

Jadi inilah menjadi satu pemikiran yang serious bagi kita Ahli-ahli Dewan ini dan bagi tiap-tiap anggota bumiputra supaya memikirkan perkara Perbadanan Awam ini dengan secara yang serious, kalau tidak maka perbadanan-perbadanan inilah yang akan memburukkan nama baik bumiputra dalam bidang ekonomi dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang saya suka sentuhkan dalam Undang-undang ini ialah apabila kita adakan undang-undang yang baik, untuk menjalankan kuatkuasa undang-undang ini kita mesti ada orang yang baik. Kita mesti mengadakan jentera yang baik, yang aktif, yang bersemangat, yang jujur, yang dedikasi dan sebagainya dan inilah saya rasa menjadi kesulitan bagi Kerajaan dan Menteri kita memilih mereka yang betul-betul jujur dalam menjalankan satu-satu perbadanan Kerajaan.

Dalam masalah memilih anggota dan Pengerusi perbadanan-perbadanan ini, saya suka hendak sentuhkan tentang bagaimana silapnya (bukan salah) pemikiran yang lalu

iaitu dengan cara pemikiran mengambil seseorang pegawai M.C.S. yang telah lama berpencen atau bersara, orang-orang yang umurnya telah lebih daripada 60 tahun untuk menjadi Pengerusi bagi menjalankan perbadanan-perbadanan awam. Barangkali tidak salah kalau saya katakan maksud kita mengambil orang-orang ini ialah kerana hendak menjaga prestige ataupun hendak menjaga imej perbadanan itu. Misalnya, kita lantik seorang pesara yang bergelar Tan Sri atau Datuk yang mempunyai nama baik di kalangan M.C.S. sebagai Pengerusi dalam sebuah Perbadanan Awam dengan tujuan hendak menjagakan imej perbadanan itu. Ini barangkali pemikiran atau perhitungan yang dibuat pada masa dahulu. Saya minta Menteri yang berkenaan mengubahkan perhitungan itu. Janganlah cari lagi orang-orang yang telah beku, orang yang tidak boleh dapat memerahkan pemikiran, orang yang telah tidak terdaya lagi hendak mengeluarkan tenaga pemikiran untuk menggerakkan sesebuah perbadanan kita ini, sebab perbadanan kita ini perlu kepada tenaga yang paling aktif, kita mahu pengerusi yang tidak boleh tidur dalam masa 24 jam untuk memikirkan bagaimana perbadanan itu patut berjalan, bagaimana pembaikian patut dibuat. Kalau sekiranya kita panggil orang-orang yang telah berumur 50 tahun ke atas maka nyayalah dia, kasihanilah dia kerana tidak boleh tidur. Apabila dia tidak boleh tidur maka datanglah penyakit darah tinggi, kencing manis dan sebagainya maka ke hospitallah dia. Inilah saya memberi pandangan kepada Menteri yang baru dilantik supaya mengubah cara pemikiran yang dahulu itu. Kita ubahkan cara baru, kita carikan orang-orang yang boleh mencurahkan tenaganya yang baik dan jawatankuasa-jawatankuasa inipun kita cari orang yang berpengalaman, orang-orang yang ada pergaulan dengan perniagaan, orang yang telah lama dalam mengalami segala kesulitan dalam menghadapi hal ehwal ekonomi dan perniagaan. Orang-orang ini apabila kita bawa ke tengah dengan tugas-tugas yang tertentu maka sudah tentu mereka ini dengan pengalaman, tenaga, dengan pemikirannya boleh menyempurnakan kehendak-kehendak kita itu, walaupun tidak 100% tetapi 60%-70% alhamdulillah, kita harap selamatlah perbadanan-perbadanan awam ini. Ini tenaga jentera yang diperlukan.

Perkara yang ketiga ialah modal. Modal ini satu perkara besar. Tuan Yang di-Pertua, dalam perniagaan walau bagaimana bijak manusia pun kalau tidak ada modal dia tidak boleh berniaga. Kalau hendak menjual kacang putih sekalipun perlu kepada modal untuk membeli kacang yang belum digorengkan itu. Jadi dalam perniagaan kita perlu kepada modal. Punca modal banyak dalam negara kita ini seperti daripada bank, insurance companies dan badan-badan kewangan yang ada dalam Malaysia ini. Kadang-kadang banyak orang-orang millionaire bercakap, "Saya tidak ada tempat hendak curahkan modal saya di mana hendak dibuat." Dia tidak tahu bagaimana hendak melaburkan modalnya. Wang banyak tetapi tidak tahu di mana hendak melabur. Memang ada orang-orang kaya bercakap begini. Ini berlaku di kalangan orang atasan, di kalangan orang-orang millionaire yang berniaga besar-besar. Jadi, modal ini adalah satu benda yang sangat penting bagi bumiputra atau perbadanan awam untuk menjalankan tugas perniagaannya dengan sempurna. Kalau sekiranya susunan perbadanan awam itu tidak begitu kemas hubungannya dengan pemodal-pemodal ini, maka perbadanan itu tidak akan dapat berjalan dengan baik.

Bagaimana yang kita tahu pada hari ini di negara kita perbadanan awam yang sedang berhubung barangkali yang besar sekali ialah dengan Bank Bumiputra atau barangkali dengan Malayan Banking, dua buah bank sahaja dibebankan. Bumiputra dan Perbadanan Awam yang hendakkan wang datanglah kepada Bank Bumiputra. Saudara kita Senator Kamarul Ariffin baru mengambil alih satu jawatan di Bank Bumiputra daripada Tengku Tan Sri Razaleigh dan saya tengok dia pun sudah pucat sedikit kerana beban yang dibebankan kepada Bank Bumiputra dan Malayan Banking yang menjadi bank Kerajaan itu terlampau berat. Pada hal pada hari ini kita mempunyai bank-bank yang begitu banyak yang dimodali oleh mereka yang datang daripada luar negeri. Berapa peratus bank-bank luar negeri ini telah memberi sumbangan kepada negara kita ini, telah memberi sokongan kepada bumiputra, telah menyumbangkan segala apa yang mereka dapat kepada perbadanan-perbadanan awam—berapa banyak? Kita cuma lihat mereka ini berjalan dengan kuat, dengan besarnya, dengan megahnya dan kita dapat mendengar daripada Governor Bank Negara

memaki-hamun bank-bank ini kerana tidak menyumbangkan kepada keperluan negara. Tetapi setakat kata-mengata sahaja tidak memberi kesan. Kita perlu kepada satu action yang kuat daripada Bank Negara terhadap bank-bank asing ini. Tarikkan bank-bank asing ini dan tunjukkan di mana patut mereka melaburkan modal. Beritahu kepada mereka bahawa perbadanan-perbadanan awam perlu kepada modal untuk membantu bumiputra dalam menegakkan kembali ekonomi mereka sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru. Kalau mereka tidak dapat menyumbangkan modal maka lebih baik kita beritahu sahaja pada mereka supaya gulung tikar bantal, balik—suruh dia balik. Lesennya jangan disambungkan, beritahu yang dia sudah melakukan satu kesalahan sehingga menyebabkan rosaknya negara kita. Kalau sekiranya mereka tidak dapat menyesuaikan dasar bank-bank itu dengan keperluan negara maka mereka perlu berundur daripada negara kita ini. Kalau tidak kita memberi makan, mereka gemok dan kita yang kurus; kita miskin mereka kaya.

Tuan Yang di-Pertua, satu contoh perkara modal. Perkara modal ini diperlukan oleh kesemua peniaga-peniaga bumiputra. Pada masa dan saat Kerajaan menggalakkan bumiputra supaya berniaga saya melihat bumiputra yang menyambut cabaran Kerajaan untuk berniaga itu macam ulat cendawan yang tumbuh pada musim hujan. Tetapi dalam satu saat sahaja kemudian daripada itu ada yang mati, ada yang lemah, ada yang rebah dan berbagai-bagai perkara berlaku kepada bumiputra ini. Ini ialah disebabkan kekurangan modal dan kekurangan bimbingan daripada kita yang menyarankan kepada mereka supaya bangkit dan menyambut cabaran Kerajaan itu.

Kalau sekiranya kita cabar mereka, kalau sekiranya kita suruh mereka bangun dan bergerak dalam ekonomi, maka perlulah kita mengumumkan seberapa banyak modal, seberapa banyak punca modal yang diperlukan oleh mereka ini supaya dapat mereka berjalan dengan lancar. Saya tidak hendak berpanjangan dengan ucapan saya ini kerana

saya kata tiga perkara sahaja, saya ulangi tiga perkara sahaja yang perlu dikaji oleh Kementerian yang berkenaan iaitu:

- (1) Undang-undang yang keseluruhannya iaitu Undang-undang Perbadanan Awam ini;
- (2) Tenaga jentera Perbadanan Awam ini; dan
- (3) Modal untuk Perbadanan Awam ini.

Kalau tiga ini dapat kita sempurnakan maka kita boleh lihatlah bagaimana lancarnya Perbadanan-perbadanan Awam ini berjalan pada masa hadapan. Saya meletakkan sepenuh-penuh tinggi harapan kepada Menteri baru kita ini dengan disokong dan ditolong oleh Puan Rafidah Aziz daripada Ahli Senate, mereka berdua ini saya yakin dengan penuh yakin mereka berdua ini akan dapat menjadi panglima dalam menggerakkan balik perbadanan-perbadanan awam ini. (*Tepuk*).

3.51 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberikan pandangan-pandangan dan teguran kepada Kementerian yang berkenaan. Saya harap dengan jasa baik Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, memberi peluang kepada kami mengambil masa Dewan ini bercakap dengan panjang, sebab Rang Undang-undang ini adalah satu perkara yang sangat penting di segi pembangunan negara dan Rang Undang-undang Perbadanan Berkanun inilah yang akan menentukan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru atau akasnya. Dengan sebab itu patut Ahli-ahli Yang Berhormat memberi pandangan dan Tuan Yang di-Pertua berikanlah peluang kepada kami sekalian dan Rang Undang-undang yang lain kami akan bercakap dengan seberapa sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini Kerajaan sudah tahu dahulu ada MARA, ada UDA, ada Lembaga Padi dan Beras Negara tidak begitu kesan dan kuasanya tidak dapat ditadbirkan oleh Kementerian yang berkenaan. Dengan kesedaran itu maka Kerajaan telah membawa Rang Undang-undang ini. Saya ucapkan tahniah kepada Kerajaan atas kesedaran ini dalam pembentukan Kabinet baru ini Kerajaan telah menubuhkan sebuah Kementerian yang bernama Perbadanan Awam. Kebetulan yang diberikan tugas ini kepada Yang Berhormat

Datuk Haji Mohamed bin Yaacob, beliau bukan sahaja ahli kehakiman tetapi beliau mempunyai darah perniagaan. Kebetulan pula ditolong oleh Setiausaha Parlimen daripada Ahli Senate ini kebetulannya seorang Ahli Ekonomi yang cermat, jimat terutama sekali orang kaum wanita. Saya percaya Perbadanan ini dalam Rancangan Malaysia Ketiga akan berjalan dengan baik. Oleh itu, saya berikan tahniah kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat ini.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat rakan sejawat saya telah memberikan pandangan tiga perkara, maka saya tambah lagi dua. Kalau Perbadanan ini hendak berjalan dengan sempurna supaya menuju ke matlamat yang diharapkan oleh Kerajaan dengan keadaan bahawa bumiputra sejak Rancangan Malaysia Kedua, mereka sekarang sudah sedar, mereka sekarang bukan sahaja hendak berniaga secara kecil-kecilan, bukan berniaga cara di kedai-kedai runcit, tetapi mereka hendak menguasai perniagaan itu sama sejajar dengan ahli-ahli perniagaan yang bukan warganegara dalam negeri ini.

Dua perkara yang saya hendak sebutkan tadi, Tuan Yang di-Pertua, kalau tiga Perbadanan yang disebutkan dalam Rang Undang-undang ini ada mempunyai pakar, pekerjaannya yang baik, yang sihat bukan sahaja perkara yang dikatakan oleh rakan sejawat saya Yang Berhormat Datuk Nik Hassan, orang yang sudah bersara diambil menjadi Pengerusi, bukan itu sahaja, kalau kita ada orang-orang yang mahir dalam perniagaan sekalipun Rang Undang-undang ini tidak dapat dilaksanakan dan tidak dapat menyempurnakan kehendak matlamat Kerajaan. Apa perkaranya, Tuan Yang di-Pertua? Yang pertama sekali, saya hendak beri tahu Kerajaan. Kerajaan hendaklah memberikan modal, memberikan kewangan kepada Perbadanan ini dengan cukup, sebagaimana yang dikehendaki oleh tiga Badan ini. Saya beri ingatan Kerajaan dengan amalkan perbuatan yang lama memberikan wang kepada Badan ini, kata orang Melayu macam kain selang. Oleh itu, saya peringatkan berapa banyak diminta oleh 3 perbadanan ini—UDA, MARA dan Lembaga Padi dan Beras Negara, Kerajaan wajar meluluskan. Perbendaharaan jangan banyak ulas, kadangkala bila Perbadanan ini minta wang dengan Kerajaan, Perbendaharaan ulas, ulas punya ulas tinggal sedikit, bila tinggal wang yang

begitu kurang Badan ini tidak dapat menyempurnakan kehendak-kehendak yang dituntut oleh ahli perniagaan dan perindustrian bumiputra. Jadi saya percaya bahawa Perbendaharaan sekarang sama dengan satu negeri dengan Menteri yang berkenaan mudah-mudahan apa yang diminta oleh Kementerian ini, Perbendaharaan akan menguruskan dengan sepenuhnya.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ingatkan bahawa dengan ujudnya Lembaga ini kelak hendaklah diperhatikan dengan serious sekiranya ada satu-satu projek, perniagaan dan perusahaan hendaklah dielakkan jangan bercanggah dan jangan bersaing dengan swasta peniaga bumiputra. Ini hendak juga, sebab kalau ini diamalkan oleh Perbadanan ini, saya tuduh Perbadanan ini menodai hasrat Kerajaan hendak membaiki taraf perniagaan dan perusahaan bumiputra. Sebab pada masa dahulu, Tuan Yang di-Pertua, pernah kita tengok bila swasta perniagaan dan perusahaan bumiputra 100% hendak menjalankan satu perniagaan atau hendak mengambil satu agensi membeli barang di luar negeri badan-badan Kerajaan sendiri pergi muncul lawan bumiputra itu. Bumiputra dia tidak ada kemudahan, kakitangannya dia sendiri bayar gaji, tetapi perbadanan Kerajaan ini banyak kemudahan. Tentulah bila tawaran ini akan didapati oleh agensi Kerajaan, malangnya Tuan Yang di-Pertua, bila dapat ini, ada pula agensi-agensi Kerajaan ini pandai dialibabakan kepada orang lain. Ini patut disiasat dengan lebih halus. Saya harap, Tuan Yang di-Pertua, kalau ada dalam sesebuah kawasan, umpamanya, swasta bumiputra berupaya hendak mendirikan kompleks bangunan kedai, perbadanan pun hendak mendirikan bangunan kedai di tempat itu patut perbadanan surrender; nasihatkan swasta ini supaya mereka mendirikan sendiri bangunan ini. Ini menguntungkan Perbadanan dan juga hasrat Perbadanan ini diujudkan maka satu masa kelak bahawa semua agensi-agensi ini akan diserahkan kepada bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan harus ingat bahawa Bumiputra sekarang sudah sedar sudah boleh berdiri di atas kaki sendiri dalam masalah perniagaan dan perusahaan dan juga bangunan-bangunan di bandar-bandar, tak payah agensi-agensi Kerajaan

dirikan mereka berupaya, mereka tahu berikhtiar meminjam kepada bank-bank, terutama sekali Bank Bumiputra sekarang Pengerusinya seorang Ahli Yang Berhormat Dewan ini. Kiranya swasta daripada bumiputra hendak mendirikan satu kompleks dengan senang dan mudah berdasarkan kertas kerja yang begitu baik, Bank Bumiputra akan dapat mendirikan. Pada kala itu Perbadanan ini dengan senang hati projek itu tidak payah dia mendirikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap dalam masalah MARA. Saya sangat berbesar hati bahawa MARA dalam Rancangan Malaysia Kedua ini telah membuat satu peruntukkan sebanyak \$300 juta. Dahulu dia mendapat \$100 juta, tetapi sekarang dia hendak meminta daripada Perbendaharaan sebanyak \$300 juta, jadi Kerajaan janganlah potong \$300 juta kalau hendak tengok MARA ini menjalankan kerja dengan licin, luluskan \$300 juta, sebab dengan wang yang didapati ini MARA bukan sahaja boleh membantu bumiputra, tetapi MARA juga boleh menjalankan usaha-usaha yang tidak terdaya oleh bumiputra boleh dibuat oleh MARA.

Tuan Yang di-Pertua, di masa dahulu MARA ini ada anak syarikatnya tidak kurang dari 13 anak-anak syarikat perniagaan. Tetapi sebagaimana yang disebutkan oleh rakan sejawat saya Yang Berhormat Datuk Nik Hassan tadi daripada 13 anak syarikat ini boleh dikatakan semua anaknya pada akhir tahun membentangkan penyata kira-kira tidak ada menunjukkan untung, semuanya rugi. Saya contohkan Syarikat Lori Malaysia. Syarikat Lori Malaysia mendapat Permit A, seluruh Malaysia ini boleh jalan, tetapi bila-kita tengok penyata tahunannya \$500,000 tiap-tiap tahun rugi. Keadaan ini diketawakan oleh ahli-ahli perniagaan bukan Melayu. Lori Permit A yang baru boleh membawa barang yang banyak, berniaga rugi. Mengapa? Ini ada sebab-sebabnya, saya tidak boleh ceritakan dan ahli perniagaan itu beritahu sendiri dengan saya bahawa masalah-masalah ini patut diperbetulkan. Ada syarikat batek, syarikat kulit craft macam-macam syarikat anak, dia beranak sana dan beranak sini, tetapi tidak ada yang untung—beranak rugi. Jadi usaha yang begini patut diperhatikan oleh perbadanan bila Rang Undang-undang ini berjalan.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir dalam soal MARA ini, satu perkara yang penting yang saya hendak cakapkan ialah mengenai permohonannya sebanyak \$300 juta sebagaimana yang saya katakan tadi ia akan digunakan untuk mendirikan kompleks, bangunan kedai-kedai dalam daerah yang belum didirikan dalam tanahair kita ini, sebab bumiputra sekarang hendak berniaga di bandar-bandar tidak berupaya hendak mendapatkan kedai-kedai, kerana duit tehnya terlalu mahal daripada ahli-ahli perniagaan yang lain. Jadi saya minta Yang Berhormat Menteri memberikan perhatian supaya didirikan kompleks kedai di bandar Segamat yang mana Yang Berhormat Menteri sendiri telah pergi melihat tempat itu. Kasihan bumiputra hendak berniaga tetapi malangnya tapak ada, bangunan tidak ada, maka bersepehlah mereka. Saya harap Yang Berhormat Menteri berikanlah keutamaan khaskan kepada kompleks kedai di Daerah Segamat dan selepas itu barulah pergi ke Kluang, Batu Pahat dan kemudian barulah pergi ke negeri-negeri yang lain.

Dalam MARA ini, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap mengenai pinjaman kepada bumiputra. Ini adalah satu pentadbiran yang kurang menyenangkan, ahli-ahli perniagaan kita yang hendak pinjam daripada MARA \$5,000 dan Pegawai MARA Daerah pergi siasat mengatakan: "Awak hanya boleh pinjam \$1,000". Tuan Yang di-Pertua, fikirilah kalau hendak berniaga beras atau barang-barang runcit dengan \$1,000 bagaimana hendak cukup. Jadi kita sangat berpuas hati kerana dia telah menjalankan selama beberapa tahun dan dia hendak pinjam duit sebanyak \$5,000 kertas kerjanya dia boleh buatlah secara kasar, dan kita percaya bahawa dengan pinjaman yang kita beri ini, dia boleh menguruskan perniagaannya. Kalau dia hendak pinjam \$5,000 tetapi kita beri \$1,000 apa yang boleh dapat dibeli? Beli beras dan gula habis, kemudian ada orang berhutang pula. Jadi kalau kita beri \$5,000 ini akan memberi satu kemudahan kepada mereka, dan kita jangan kesal atau takut kepada bumiputra yang hendak berniaga itu bahawa kononnya disebabkan diberi pinjaman ini dia tidak dapat bayar. Bayaran itu masalah lain, masalahnya sekarang ialah kita mahukan modal.

Yang kedua, dalam masalah pinjaman ini, jangan mudah sangat hendak dibawa ke

mahkamah bila seseorang tidak bayar menurut kuatkuasa. Ini adalah tindakan yang akhir, walaupun molek, tetapi kesannya kurang molek disebut oleh bumiputra kepada MARA, terutamanya saya harap kepada Setiausaha Parlimen yang baru ini janganlah sampai membuat tindakan yang semacam ini, sebelum hendak mengambil tindakan mahkamah itu patutlah Pegawai MARA itu pergi ke kedai itu, nasihatkan dia dan tengok perniagaannya seberapa yang boleh, lepas itu kita tengok sekiranya dia tidak ada barang lagi hendak berniaga atau dia sudah tidak boleh meneruskan perniagaannya, barulah kita bawa ke mahkamah dan ini juga bererti kita menganiayakan dia. Hal yang semacam ini, saya fikir patut diberikan perhatian oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap mengenai Lembaga Padi dan Beras Negara, dan saya sudah bercakap lama dalam hal ini. Lembaga Padi dan Beras Negara ini adalah satu badan pergantungan hidup penanam-penanam padi kita di tanahair daripada ditanam, dikilang dan dipasar. Tetapi Lembaga Padi dan Beras Negara ini pada masa sekarang menurut pandangan saya ada beberapa kelemahan dan beberapa perkara yang kurang tegas pada sudut hendak memperbaiki berhubung dengan Lembaga Padi dan Beras Negara dalam negeri ini khasnya kepada petani-petani kita. Lembaga Padi dan Beras Negara dia ini tidak boleh membanggakan kerana membuat kilang yang besar, mengisar padi, menjual padi, mengeluarkan lesen pemborong dan runcit. Saya fikir Lembaga Padi dan Beras Negara ini supaya menunjukkan satu tindakan yang baik agar Lembaga Padi dan Beras Negara ini pada masa yang akan datang mengikuti Dasar Ekonomi Baru, menasihati, menengok pemborong-pemborong yang telah mengeluarkan lesen kepada bumiputra semasa lesen borong dan lesen runcit supaya mereka dapat meneruskan perniagaan.

Pada masa sekarang, Tuan Yang di-Pertua, pemborong-pemborong bumiputra dan peruncit-peruncit bumiputra ini tidaklah sebagaimana keadaan kita kegentingan beras tempoh hari. Ada kalanya sekarang lesen-lesen mereka telah diambil balik dan sudah tidak menjalankan perniagaan, apa sebabnya? Pertama sekali bahawa kilang-kilang yang ada dalam tanahair yang diusahakan

oleh swasta mereka mengganding kilang-kilang yang dibuat oleh Lembaga Padi dan Beras Negara. Lembaga Padi dan Beras Negara boleh menjual berasnya daripada kilang itu, umpamanya saya kata satu pikul \$45, tetapi kilang swasta dia boleh jual beras dengan harga \$40. Jadi keadaan ini segala pemborong-pemborong tidak mahu membeli beras daripada kilang-kilang yang diusahakan oleh Lembaga Padi dan Beras Negara. Katanya Lembaga Padi dan Beras Negara akan menjaga padi dan beras supaya tidak dialih ke negeri lain. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri kenapa beras dan padi di Alor Star dan di Seberang Perai itu dialihkan ke Pulau Pinang? Di Pulau Pinang ada sebuah kilang padi, pada hal Pulau Pinang tidak ada menanam padi dalam kawasan Pulau Pinang itu. Tetapi beras dari mana datangnya beras inilah yang datang daripada Kedah dan Seberang Perai dialihkan ke Pulau Pinang. Ini seolah-olah Lembaga Padi dan Beras Negara kuatkuasanya tidak begitu penuh, masih memanjakan lagi kilang-kilang swasta yang berupa hendak menjejaskan pengurusan, perkilangan dan pemasaran Lembaga Padi dan Beras Negara yang diusahakan oleh perbadanan ini.

Satu contoh, Tuan Yang di-Pertua, Lembaga ini telah mengeluarkan lesen pemborong, saya hendak bertanya Kementerian ini, selama ini adakah pemborong bumiputra telah membekalkan berasnya itu kepada Jabatan-jabatan Kerajaan yang sentiasa menghendaki beras, umpamanya saya contohkan Kementerian Pertahanan, Jabatan Polis dan Kementerian Kesihatan. Semua Jabatan ini berkehendakkan pembekalan beras, tetapi kenapa Lembaga Padi dan Beras Negara tidak beri tawaran kepada pemborong bumiputra supaya boleh membekalkan beras ini kepada Jabatan-jabatan yang saya sebutkan itu. Kemudahan banyak, Lembaga Padi dan Beras dia ada lori, berikanlah kepada pemborong bumiputra. Dengan itu secara tidak langsung Lembaga Padi dan Beras Negara ini juga sama-sama berkembang dalam Dasar Ekonomi Baru.

Akhirnya saya hendak bercakap dalam masaalah UDA pula, UDA sebuah agensi Kerajaan yang patut kita puji. Kalau orang tak puji UDA, saya ingat orang itu otaknya tak berapa sihat. Sebab khidmat UDA yang patut saya puji, UDA telah membuat suatu pekerjaan yang sangat berjaya dan boleh mencorakkan bandar besar seperti Kuala

Lumpur ini. Kalau bangunan yang dibuat oleh UDA boleh dibanggakan yakni yang dipunyai oleh agensi Kerajaan, pada matlamatnya akan dipunyai oleh bumiputra. Selain dari itu, UDA telah membuatkan bangunan-bangunan di bandar-bandar. Selain dari itu, UDA bersekutu menjalankan perniagaan, tetapi kalau dengan peruntukan yang diberi sekarang iaitu \$100 juta sahaja, saya fikir UDA tidak boleh bergerak. Saya harap Kerajaan dengan tidak ragu-ragu lagi sebagaimana saya cakapkan tadi akan meluluskan beberapa banyak lagi peruntukan yang dikehendaki oleh UDA. Bila wang sudah diluluskan, UDA janganlah hanya membuat kerja pembangunan bandar di Kuala Lumpur sahaja, tolong buat bangunan-bangunan di bandar lain seperti di Muar dan di mana bandar-bandar yang bumiputra ada mempunyai matlamat hendak menjalankan perniagaan. UDA kena tolong buat. Jangan buat janji kepada rakyat bahawa kompleks itu UDA hendak tolong mendirikannya, tetapi wang tak ada. Kalau keadaan ini berjalan, saya fikir apa yang diharapkan oleh Kerajaan kepada agensi itu tidak akan dapat menuju kepada matlamat yang sebenarnya.

Akhirnya, dalam melantik wakil dalam Jemaah itu yang dilantik oleh Yang Berhormat Menteri, saya masih ragu kerana saya kurang arif dalam Rang Undang-undang ini, kepada siapakah hendak diberi peluang jadi ahli? Tiga orang adalah pegawai awam, yang lain iaitu tidak kurang daripada lima tetapi tidak lebih daripada sembilan orang. Menurut hemat saya, saya pun tak tahu bagaimana peruntukan yang hendak diberikan kepada Rang Undang-undang ini, adalah lebih baik kita berikan kepada wakil-wakil yang ada berkenaan dalam perniagaan dan perusahaan seperti dewan-dewan perniagaan ataupun Lembaga Peladang, ataupun orang-orang yang ada pengalaman, yang ada berminat dalam perniagaan dan perusahaan, dan kalau boleh lantiklah wakil-wakil dalam Jemaah itu daripada Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Negeri. Kalau tak dilantik Ahli Dewan Negara pun tak mengapa, sebab Ahli Dewan Negara ini tak ada kawasan tetapi kalau hendak dilantik pun boleh (*Ketawa*). Sebab apa saya katakan begitu perlunya ada dalam Jemaah itu Wakil-wakil Rakyat, sebab Wakil Rakyat ini akan menolong Jemaah itu dan ia tahu tanggungjawab kerana dasarnya yang hendak

dilaksanakan. Tidaklah rugi Jemaah itu melantik Wakil Rakyat duduk di dalam Jemaah yang akan dilantik oleh Menteri itu.

Jadi dengan itu, sekali lagi saya memberikan sokongan penuh kepada Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini dan saya berdoa kepada Allah subhanahu wataala supaya apa yang dijalankan oleh Kementerian ini akan dapat dilaksanakan demi kepentingan negara.

4.15 ptg.

Datuk Syed Hassan Aidid: Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong Rang Undang-undang ini. Saya hendak bercakap pendek sahaja. Satu perkara yang besar ialah masalah MARA. Saya fikir tiada siapa boleh nafikan yang MARA telah memberi banyak pertolongan kepada kaum bumiputra, tetapi pada akhir-akhir ini saya telah dapat sungutan yang banyak daripada orang di negeri saya sendiri iaitu Pulau Pinang dan kampung saya sendiri iaitu ramai pemohon yang meminta pinjaman, bukanlah banyak hanya antara \$500 hingga \$1,000. Untuk meluluskan permohonan itu didapati setengahnya sehingga 6 bulan atau setahun. Orang-orang itu telah berjumpa dengan saya dan saya telah pula berjumpa dengan Pegawai MARA pada tahun 1975 dan saya dapati dari perbualan saya dengan Pegawai MARA iaitu bukanlah salah Pegawai MARA dan Pegawai MARA telah menunjukkan senarai orang-orang yang memohon di Pulau Pinang sahaja pada masa itu lebih kurang 50 hingga 100 orang tidak dapat wang sama sekali, disebabkan sebagaimana yang dikatakan oleh Datuk Haji Ahmad Arshad tadi ialah Perbendaharaan tidak memperuntukkan wang bukan sahaja di Pulau Pinang bahkan di negeri-negeri lain.

Ini adalah satu masalah besar kerana kalau pemohon-pemohon itu tidak dapat pinjaman wang selama setahun, saya percaya perniagaan orang Melayu tidak akan berjalan dan ada setengahnya yang berjumpa dengan saya, saya telah memberi nasihat supaya meminta pinjaman-pinjaman daripada MARA. Maka mereka enggan kerana mereka dapat tahu bahawa MARA tidak akan memberikan pinjaman sehingga sampai setahun. Adalah lebih baik mereka minta pinjaman daripada bank. Ini masalah yang besar yang patut Menteri yang baru ambil perhatian.

Kedua, berkenaan dengan lantikan Ahli Lembaga. Saya juga ada pengalaman, tetapi bukanlah duduk dalam Jawatankuasa MARA tetapi anaknya iaitu Jawatankuasa Yayasan MARA. Saya telah dilantik pada 3-4 tahun sudah, kalau saya tak lupa dalam tahun 1972 atau 1973. Pada tahun yang pertama Yayasan MARA telah mengadakan mesyuarat 3-4 bulan sekali, pada tahun yang kedua pula 6 bulan sekali dan pada tahun 1975 tidak ada mesyuarat sama sekali. Jadi, saya tidak tahu adakah Jawatankuasa ini telah dibubarkan atau masih berjalan. Pendek kata, tidak ada penyata sama sekali dan kita sebagai anggota di situ tidak tahu tentang perjalanan Yayasan MARA ini. Maksud saya di sini dengan adanya Menteri yang baru, saya berharap supaya Ahli-ahli Lembaga yang dilantik itu akan menjalankan tugasnya dengan hebat, kerana sebagaimana yang kita sedia tahu iaitu badan-badan inilah yang akan menentukan perjalanan atau kejayaan ekonomi orang Melayu yang akan datang. Jadi saya berharap mereka yang akan dilantik patut terdiri daripada orang-orang yang betul ada minat dan usaha supaya menjalankan tugas masing-masing dalam badan-badan tersebut.

Sekianlah ucapan saya, lagi sekali saya sokong Rang Undang-undang ini.

4.18 ptg.

Wan Sulaiman bin Wan Tam: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini untuk diluluskan. Saya hendak bercakap dalam dua perkara. Pertamanya, di atas perkara berkenaan dengan Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA). Banyak orang berjumpa saya bertanya pendapat iaitu mereka yang ada tanah di dalam bandar Alor Star dan ada rumah batu iaitu pesaka zaman datuk neneknya, pesaka lama, sewanya ialah \$65 mengikut Rent Control Act. Mereka ada tanah dan rumah itu sahaja, tetapi sewanya itu macam sewa rumah papan kedai di kampung-kampung, \$65. Mereka bertanya saya mengatakan UDA boleh tolong bumiputra hendak buat rumah dalam bandar. Oleh sebab rumah-rumah dalam bandar ini mustahak diadakan, dan dimiliki oleh bumiputra, hendak memajukan perniagaan bumiputra, mestilah ada rumahnya dahulu. Kalau tidak ada rumah, macam mana hendak bangunan rumah. Bolehkah UDA menolong orang-orang semacam ini? Mereka tidak ada wang, cuma itu sahaja yang ada iaitu rumah

buruk, tanah dalam bandar sebagai pesakanya. Kalau sekiranya UDA hendak menolong betul-betul meletakkan bumiputra pada tempatnya, perniagaannya mestilah dalam bandar. Cara-cara yang baik untuk menolong mereka ini ialah rumah-rumah buruk itu digantikan dengan rumah baharu. Ini adalah satu perkara yang saya suka hendak bertanya tentang UDA, bagaimana caranya ia boleh menolong orang-orang yang semacam itu.

Perkara yang kedua, mengenai MARA. Banyak pertanyaan yang didatangkan kepada saya. Seorang kontraktor kecil yang sudah mendapat pinjaman MARA dua kali dengan dua orang penjamin, bayarannya sudah diselesaikan—cukup bagus menurut rekodnya. Ia meminta pinjaman yang ketiga dan berkehendakan penjamin juga. Kali yang keempat dia minta pinjaman lagi dan MARA berkehendakkan penjamin juga. Jadi, siapa yang hendak jadi penjamin banyak kali. Adakah tidak memadai dengan pinjaman dua tiga kali berserta dengan penjamin-penjaminnya yang mempunyai rekod yang elok dan telah diselesaikan bayarannya, masih berkehendakan penjamin lagi. Siapa-kah yang hendak menjamin banyak kali. Ini tentu sukar sekali. Saya harap MARA akan ambil ingatan atas perkara yang semacam ini.

Tuan Yang di-Pertua, inilah sahaja dua perkara yang saya hendak kemukakan untuk pertimbangan.

4.22 ptg.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengucapkan berbilang-banyak terima kasih di atas peluang yang diberi kepada saya. Saya tertarik dengan penerangan yang telah diberi oleh Yang Berhormat Menteri semalam berkenaan dengan Rang Undang-undang ini dan dengan sebab itu, saya menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang yang tersebut ini dan saya suka menarik perhatian Yang Berhormat Menteri dalam beberapa perkara terutama sekali secara umum meliputi ketiga-tiga perbadanan awam yang terlibat dalam Rang Undang-undang ini.

Sebagaimana yang kita sama-sama maklum bahawa tujuan yang besar sekali untuk melaksanakan Dasar Ekonomi Baharu kita

dalam negara ini ialah dengan adanya Perbadanan-perbadanan ini ditubuhkan dan secara lebih tegas lagi perbadanan-perbadanan ini akan memainkan peranan yang lebih aktif dengan pindaan-pindaan yang telah dikemukakan ini di samping pengalaman-pengalaman yang telah lama dialami oleh badan-badan ini dengan tujuan supaya dapat memimpin, menganjur dan menolong bumiputra supaya lebih giat dan maju dalam bidang ekonomi terutama perniagaan dan perusahaan. Jadi atas tujuan inilah maka saya suka menarik perhatian supaya dalam peralihan-peralihan pegawai-pegawai yang akan memainkan peranan di perbadanan-perbadanan ini, janganlah semata-mata kita berdasarkan kepada akademik sahaja, kerana dalam masalah ekonomi, perniagaan dan perusahaan ini kalau di peringkat teorinya sahaja ertinya seseorang pegawai yang tidak mempunyai cukup pengalaman, khusus dalam bidang yang tertentu yang ditugaskan kepadanya maka kejayaan yang akan kita dapati seperti yang telah lepas sebagaimana penjelasan yang diberi oleh saudara kita, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Nik Hassan bin Nik Yahya dan juga Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad bin Arshad, saya berharap pada masa hadapan bukan sahaja mereka yang mempunyai akademik, tetapi juga yang mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang perniagaan dan perindustrian dapat kita ambil dan tugaskan supaya badan-badan yang di bawah pimpinan pakar seperti ini mereka dapat memimpin bumiputra kita supaya semua bidang yang mereka campuri akan mendapat nasihat yang berguna daripada pegawai-pegawai perbadanan yang ditugaskan Kerajaan memimpin, memandu Ahli-ahli bumiputra kita supaya lebih maju dalam bidang perniagaan dan perusahaan.

Ini secara umum termasuklah MARA, UDA dan sebagainya. Dan saya rasa seperti yang telah lepas, banyak pegawai-pegawai kita yang belajar dalam jawatan mereka dengan ahli-ahli perniagaan, maka dengan sebab itulah sesuatu kelulusan untuk mendapatkan bantuan samada berupa pinjaman atau pun nasihat lambat didapati oleh ahli-ahli perniagaan kerana bukan sahaja mereka kurang dalam pengalaman bahkan mereka memerlukan masa untuk membuat kajian bagi membuat sesuatu keputusan yang mana perkara ini berlaku berpunca daripada mereka tidak mempunyai pengalaman yang

cukup. Dengan sebab itu pada masa yang akan datang dan saya rasa sekarang ini mungkin ada pegawai-pegawai yang mempunyai pengalaman seperti itu, tetapi saya berharap kalau boleh tambahkan tenaga pegawai-pegawai kita yang benar-benar boleh memimpin bumiputra dalam bidang perniagaan dan perusahaan seperti ini. Khususnya mengenai UDA, saya suka menarik perhatian kepada cara UDA menjalankan sesuatu pembangunan bandar dengan cara joint-venture.

Saya suka mencadangkan supaya UDA hanya mengadakan joint-venture dengan bumiputra yang mempunyai tanah dalam kawasan bandar yang tidak mempunyai kemampuan samada kemampuan dari segi kewangan untuk belanja pembangunan mahupun tidak mempunyai pengalaman pentadbiran dan sebagainya, tetapi mereka mempunyai tanah dalam bandar, maka dengan bumiputra seperti ini perlulah UDA mengadakan joint-venture kalau kita hendak beri pinjaman umpamanya dia tidak tahu cara mengurus jadi lebih baik UDA mengadakan joint-venture dengan mereka ini.

Selain daripada itu, UDA juga boleh mengadakan joint-venture dengan bukan bumiputra dengan syarat bukan bumiputra ini mempunyai tanah dalam bandar bagi membolehkan pembangunan UDA ini mendapat hak sebanyak-banyaknya dalam bandar terutama seperti di Kuala Lumpur dan lain-lain yang mana bumiputra tidak sanggup hendak mendapatkan tanah; tidak sanggup hendak mengadakan tempat-tempat perniagaan dan pejabat-pejabat mereka. Maka dengan cara seperti ini UDA akan dapat memainkan peranan yang lebih berkesan.

Saya suka menarik perhatian kepada satu masalah khusus di bandar Kota Bharu yang mana satu masa dahulu pernah Perbadanan Kemajuan Iktisas Negeri Kelantan merancang pembaharuan bandar Kota Bharu. Tetapi apabila ditimbulkan pada masa akhir-akhir ini, kita telah diberi jawapan bahawa rancangan itu akan dilaksanakan bersama dengan UDA. Pada mulanya rancangan ini akan dilaksanakan oleh Perbadanan Kemajuan Iktisas Negeri Kelantan secara pinjaman wang daripada Kerajaan Pusat atas nama S.E.D.C. itu sendiri. Oleh kerana sesuatu sebab yang mungkin tidak dilakukan maka rancangan ini telah berubah dengan

suatu cadangan supaya rancangan ini dilaksanakan secara joint-venture dengan UDA. Jadi, ertinya UDA akan menanggung perbelanjaan bersama dengan pihak S.E.D.C. yang telah membayar tanah di bandar Kota Bharu itu untuk pembangunan semula bandar Kota Bharu. Saya sukalah mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri kita walaupun beliau baharu memegang jawatan, mungkin perkara ini telah ada dalam pengalaman beliau sendiri, kebetulan beliau adalah dari negeri Kelantan juga.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ada satu masalah yang saya patut sebutkan disini untuk menjadi perhatian Yang Berhormat Menteri yang berkenaan iaitu masalah rancangan pembangunan di kawasan tanah yang dikenali sekarang ini dengan sultanate land di Kota Bharu, yang mana rancangan ini pun telah lama diperbincangkan dan sampai hari ini belum ada suatu keputusan yang muktamad. Kawasan tanah ini amat luas dan kalau dimajukan dengan persetujuan pihak yang berkenaan akan mendatangkan perubahan besar kepada bandar Kota Bharu dan juga akan memberi peluang bumiputra berkecimpung lebih luas dalam bidang perniagaan dan perusahaan selain daripada mengubah corak bandar Kota Bharu itu sendiri, yang mana kawasan tanah ini sebagaimana Yang Berhormat Menteri sendiri maklum hanya didiami oleh penyewa-penyewa dan tidak lagi dimajukan kawasan ini semenjak beberapa lama sampai hari ini.

Walaupun bandar Kota Bharu berubah corak di kawasan-kawasan lain tetapi di kawasan ini sangatlah berbeza. Kalau pelawat-pelawat yang datang ke negeri Kelantan melawat kawasan ini, mereka akan dapat gambaran terlampau berbeza dengan apa yang ada di kawasan lain. Di sebelah Kubang Kerian umpamanya; sebelah jalan Kuala Krai sangat berbeza dengan kawasan tanah yang saya sebutkan itu.

Itulah sahaja pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua. Saya harap perkara yang saya bangkitkan ini akan mendapat perhatian dan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempokkan selama 15 minit.

Persidangan ditempohkan pada pukul 4.35 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 4.56 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

4.56 ptg.

[Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Majlis Amanah Rakyat, 1966; Akta Perbadanan Pembangunan Bandar, 1971 dan Akta Lembaga Padi dan Beras Negara, 1971.

Tuan Yang di-Pertua, di samping saya menyokong Rang Undang-undang ini saya mengambil peluang di sini terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada badan-badan ini setelah ditubuhkan boleh dikatakan banyak telah menunjukkan bukti-bukti atas langkah-langkah atau perjalanan badan ini pada masa yang telah lalu, terutama sekali di atas perjalanan bumiputra kita yang mendapat bantuan-bantuan daripada badan-badan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa perlantikan baru Yang Berhormat Menteri kita ke dalam badan-badan ini, maka kita percayalah daya-usaha beliau akan bertambah lagi pada masa yang akan datang dan kita tahu badan-badan ini adalah badan yang boleh dikatakan banyak akan memberi bantuan dan pertolongan kepada bumiputra untuk menjalankan perniagaan, pelajaran, pembangunan dan segala-galanya untuk bumiputra ini adalah terletak kepada badan ini boleh dikatakan banyak. Maka kita berharaplah kepada Yang Berhormat Menteri pada masa yang akan datang Lembaga dalam Akta Perbadanan dan Lembaga Padi dan Beras Negara ini dalam perlantikan Pengerusi dan Timbalan Pengerusi dan Ahli-ahlinya dilantikan betul-betul orang-orang yang dapat menjalankan selain daripada pentadbiran tahu berkenaan hal-hal perniagaan kerana badan-badan ini banyak menjalankan aktiviti-aktiviti selain daripada pentadbiran banyak bersangkut di dalam soal-soal perniagaan. Maka di dalam soal-soal perniagaan badan-badan ini telahpun tambah lagi pada masa yang akan datang

menjalankan dengan sendirinya, maka di situ akan menjadi satu contoh dan tauladan terutama sekali pihak bumiputra.

Di dalam soal-soal yang telah lalu, maka kita dapati banyak juga badan-badan ini telah menjalankan, tetapi ada setengah daripadanya yang mendapat kerugian dan kerugian yang besar sekali, saya suka menyenutuhkan di sini sedikit iaitu di dalam MARA. Di dalam MARA ini ada satu peranan penting yang dimainkan olehnya iaitu di dalam pengangkutan, terutama sekali di dalam pengangkutan lori yang kita tahu bahawa pada tahun 1974 telahpun rugi sebanyak \$1.6 juta lebih dan di dalam tahun 1975 boleh dikatakan setengah tahun sahaja sudah \$1 juta rugi dan kita tidak tahu setengah tahun lagi kerana belum dapat lapuran-lapurannya, barangkali tentulah lebih lagi pada tahun 1975 ini. Jadi, tentulah perkara-perkara ini ada bersangkutan dengan pihak Pengarah ataupun Penasihat-penasihat ataupun Ahli-ahli Jawatankuasa di dalamnya maka perkara ini terletak khas kepada Yang Berhormat Menteri sendiri. Tetapi dengan datangnya Yang Berhormat Menteri yang baru dalam badan-badan ini maka kita percaya perkara ini dapat diperbetulkan di mana letaknya kesalahan perkara ini, tentu ada kesalahan-kesalahan yang berlaku, kerana di dalam soal pengangkutan lori ini jarang sekali boleh mendapat kerugian, tetapi tiba-tiba di dalam urusan yang dibuat oleh satu badan yang terbesar dan satu badan yang kita harapkan menjadi tauladan kepada bumiputra, tiba-tiba perkara ini boleh mendapat kerugian. Di manakah salahnya.

Kita tahu bahawa pentadbiran perniagaan ini orang-orang yang akan duduk di dalam perniagaan ini memang susah, lebih-lebih lagi di dalam soal pengangkutan. Setakat yang saya tahu bahawa di dalam pengangkutan ini kalau pengurusnya bukanlah setakat mengikut masa yang patut ditadbirkan iaitu pada pukul 8.00 pagi datang dan pada pukul 4.00 petang balik. Kalau di dalam soal perniagaan dibuat begini maka matilah perjalanannya. Lebih-lebih lagi di dalam soal pengangkutan lori ini maka kita percaya pentadbir atau pengurusnya mestilah sekurang-kurangnya 24 jam memikirkan dalam soal-soal ini, baik berada di rumah atau ke mana-mana memikirkan dalam soal-soal pengangkutan ini kerana perkara-perkara ini berjalan dengan tidak tentu masanya. Bukan

dia datang pada jam yang ditentukan, kadang-kadang waktu malam kena berjalan dan sebagainya. Di dalam perkara ini kita nampak kakitangan pentadbiran itu sebanyak lebih 80 orang dan lebih 227 orang di dalam kerja memandu lori-lori ini yang bergaji. Jadi ada lebih 300 orang yang bergaji. Di sini kalau kita kaji betul-betul kedudukan pentadbir yang banyak maka kalau keadaan lori yang ada sebanyak lebih 130 buah ini kalau seorang sebuah tadbir pun barangkali boleh berjalan dengan begitu lancar. Tetapi kita hairan mengapa perkara ini boleh berlaku seperti ini, maka kita berharap kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya dapat mengkaji di dalam soal pentadbiran ini.

Satu perkara lagi di dalam soal pengangkutan lori yang dijalankan ini kita tidak nampak bahawa MARA ini ada menunjukkan satu jalan yang memberi bumiputra menumpang menjalankan perusahaan ini bagi negeri-negeri. Kalau tidak tentu ada perjalanan bagi tiap-tiap buah negeri itu dan ada cawangan-cawangan yang bersangkutan dengan bumiputra yang menjalankannya. Tetapi kalau bersangkutan dengan yang kita katakan pada tiap-tiap negeri ada bumiputra yang menjalankan perusahaan lori ini, maka patutlah kerjasama daripada bumiputra dan MARA ini dapat melatihkan bumiputra bagi tiap-tiap negeri, maka satu masa akan datang bumiputra dapat mentadbirkannya. Tujuan MARA bukanlah hendak mentadbirkan terus-menerus, tetapi menunjuk ajar kepada bumiputra, maka patutlah bagi tiap-tiap negeri ini diagih-agihkan bagaimana caranya memberi bumiputra belajar di dalam soal-soal ini, kerana bumiputra pun banyak berkecimpung dalam soal pengangkutan lori ini. Dengan cara itu, saya rasa pertamanya berkenaan dengan pengaruh atau pengurus lori ini hendaklah lebih berhati-hati, orang yang betul-betul bertanggungjawab dan betul-betul berkehendakkan di dalam perniagaan yang kena memikirkan dalam masalah ini.

Selain daripada itu, berkenaan dengan hubungan negeri ke negeri mestilah ada, terutama sekali dengan bumiputra dan bukan bumiputra juga, kita percaya dalam soal pengangkutan lori ini juga banyak kaitannya. Perkara ini patutlah diambil perhatian oleh pihak Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyenutuh sedikit dalam Lembaga Padi dan Beras Negara (L.P.N.). L.P.N. ini kita tahu di satu masa dahulu, di masa kita kekurangan beras, maka banyak pihak yang telah mengecam L.P.N. ini dengan berbagai-bagai kata sebab kekurangan dan kenaikan harga beras ini. Soal padi dan beras ini adalah tanggungjawab L.P.N. sendiri. Maka pada masa ini setelah kedudukan beras di negara kita agak baik, sungguhpun kekurangan, tetapi dapat juga kita mencari jalan mengatasi masalah-masalah kekurangan ini walaupun banyak yang telah diusahakan oleh Lembaga Padi dan Besar Negara ini untuk membanyakkan penanam-penanam padi ini. Buat masa ini setakat yang saya tahu masih kekurangan dan masih lagi mengimpot, maka kita berharaplah perkara ini akan dapat diatasi oleh pihak Lembaga Padi dan Beras Negara supaya perkara ini tidak akan berbangkit seperti masa yang telah lalu.

Selain daripada itu, kita tahu bahawa beras ini adalah satu keperluan yang besar bagi negara kita ini, jadi perkara ini hendaklah dicari jalan untuk menseimbangkan kedudukan berkenaan dengan perusahaan mengeluarkan padi dan beras ini, kerana kalau tidak mencari jalan untuk menseimbangkan terutama sekali di atas perbelanjaan-perbelanjaan yang terbesar di dalam masalah penanam padi ini kita tahu dan kedudukannya adalah pada pesawah-pesawah dan kepada tenaga-tenaga manusia. Di dalam soal ini maka kita berharap kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya dapat berikhtiar supaya jentera-jentera yang besar yang tidak menggunakan tenaga manusia ini dapat dimasukkan dengan seberapa cepat yang mungkin ke negara kita ini. Umpamanya, jentera mengambil buah padi dan menanam padi. Dengan adanya jentera-jentera ini kita tidak banyak menggunakan tenaga manusia, maka perbelanjaan di dalam perusahaan ini terlampau besar maka keadaan kedudukan petani-petani tadi tidak seimbang dan keadaan ini patutlah diawasi oleh pihak Lembaga Padi dan Beras Negara moga-moga perkara ini dapat diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Lembaga Padi dan Beras Negara ini juga di atas pengeluaran-pengeluaran padi daripada negeri ke negeri. Yang saya katakan daripada negeri ke negeri ini, umpamanya, di negeri Perlis kalau hendak membawa keluar padi ke negeri Kedah, maka dikenakan 30% diberi

kepada L.P.N. dengan harga yang ditetapkan oleh L.P.N. Keadaan ini kita tidak tahu samada ini sebagai undang-undang ataupun sebagai satu peraturan manakah kerana di dalam lesen-lesen itu tidak ada, maka perkara ini patut juga dikaji. Jadi penjualan seperti di Kedah dan di Perlis itu bolehlah disatukan keadaan kedudukannya kerana dengan hal yang demikian dapatlah meninggikan harga-harga padi petani-petani. Kalau keadaan yang diambil oleh Lembaga PADI dan Beras Negara sebanyak 30% iaitu kalau kita bawa 100 guni maka 30 guni kena beri kepada L.P.N. dengan harga yang ditetapkan oleh L.P.N. dan 70 guni itu sahajalah yang dapat dikeluarkan. Saya tidak tahu bagaimana keadaan ini berlaku dan berharap agar dapatlah ditimbang oleh pihak Yang Berhormat Menteri yang berkenaan di dalam soal ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pembaharuan lesen. Pembaharuan lesen ini adalah satu perkara yang hendak membaharukan sahaja pembayarannya semampama lesen padi, lesen beras borong dan lesen beras runcit. Perkara ini dibolehkanlah bagi pihak pembayar membayar kepada Cawangan-cawangan L.P.N. yang ada di negeri kerana perkara ini semuanya akan diproses di Kuala Lumpur. Kalau begitu sebok sekali keadaan Ibu Pejabat L.P.N. di Kuala Lumpur tentulah menjadikan kelambatan atau kesusahan sedikit, ini perkara membaharui sahaja. Kalau perkara hendak mengambil lesen-lesen baru, permohonan baru sepatutnyalah perkara ini dihantar ke Kuala Lumpur tetapi cara hendak membaharui lesen untuk membayar itu memadailah dengan pembayaran-pembayaran di negeri masing-masing sahaja sebagai suatu kemudahan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu sukalah saya menyentuh sedikit berkenaan dengan UDA. UDA juga kita ucapkan terima kasih kerana kita dapat melihat bagaimana bangunan-bangunan yang tersergam yang dipunyai oleh bumiputra di bandar besar seperti di Kuala Lumpur ini. Tetapi malangnya UDA tidak dapat berjalan lagi ke negeri-negeri yang kita tahu sebagai negeri-negeri yang mundur pada sebelah negeri Kedah dan Perlis dan proses-proses pembangunan yang berjalan pada hari ini sangat lambat di negeri-negeri yang

mundur ini. Maka kita harap supaya dapat dipercepatkan oleh UDA dalam usahanya yang pertama begini.

Selain daripada itu, saya suka menyentuh sedikit berkenaan dengan perkongsian. Saya mendapat faham juga bahawa perkongsian yang dibuat oleh UDA di dalam pembangunan rumah-rumah ini yang berkongsi dengan selain daripada bumiputra maka di dalam perkongsian itu UDA hanya mendapat 30% sahaja dan 70% lagi kepada bangsa asing. Kalau keadaan perkongsiannya begini bilakah bumiputra akan naik? Jadi patutlah dikaji semula dalam soal ini supaya Yang Berhormat Menteri dapat mengkaji bagaimana sekurang-kurangnya kita kata seperti dahulu kalau berkongsi seperti ini bumiputra dapat 51%, 49% kepada bangsa lain. Tetapi yang telah terjadi 30 kepada kaum bumiputra dan 70% kepada bangsa lain. Dengan keadaan yang begini bagaimanakah hendak menghambat, sudahlah kita jauh, jauh lagi. Jadi dengan keadaan yang terdiri pada hari ini banyak dicampur dengan cara perkongsian yang dibuat dalam pembangunan rumah-rumah oleh UDA ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya di dalam usaha-usaha untuk menjalankan segala activity oleh perbadanan-perbadanan ini berkehendakkan kepada kedudukan kewangan yang tegap dan bantuan-bantuan daripada pihak-pihak Kerajaan kepada badan-badan ini bagaimana kewangannya hendaklah dengan secukupnya maka bolehlah badan-badan ini mengusahakan dan memberi pertolongan kepada kaum bumiputra dengan tidak begitu terdapat bermacam-macam kata-kata terhadap badan-badan ini yang kadang-kadang badan-badan ini tidak dapat berjalan kerana kekurangan wang. Maka kita berharaplah Kerajaan akan memberi bantuan yang secukupnya kepada badan-badan ini dan badan ini akan dapat berjalan dan memberi pertolongan kepada bumiputra kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita percayalah di dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita juga, kita tahu penyelenggaraan daripada pegawai-pegawai. Maka kita berharaplah perkara-perkara ini juga di dalam badan-badan yang begini patut diawasi, terutama sekali di dalam soal campur tangan. Kadang-kadang ada juga kakitangan-kakitangan yang campur tangan di dalam soal perniagaan yang bercampur dengan

pihak-pihak yang lain, maka di dalam soal ini patutlah sebagaimana yang telah diucapkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi, akan dapat perhatian daripada pihak Yang Berhormat Menteri agar badan-badan ini juga akan diambil langkah-langkah yang tegas di dalam soal penyelewengan ini. Setakat itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dan saya sekali lagi mengucapkan terima kasih.

5.15 ptg.

Datuk Dr Wee Khoon Hock: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang ini dan saya cuma ada satu perkara sahaja yang saya ingin menyentuh di sini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi projek-projek pembangunan dapat dilaksanakan perlulah perbadanan-perbadanan awam mengambil alih tanah swasta di kawasan atau jajahan yang berkenaan. Saya berharap dan menyeru Perbadanan Kemajuan Ekonomi Kerajaan menghindarkan (avoiding) cadangan mengambil alih tanah perkuburan, di mana-manapun yang sekarang ada cadangan akan dibuat begitu disitu atau dua kawasan. Oleh sebab kubur ialah satu tempat yang berkaitan dengan kekasih keluarga kepada si mati yang merasai perhubungan yang amat rapat. Kubur ialah tempat perkebumian terhadap keturunan si mati dan rakyat yang berbagai kaum dan agama penghormatan yang sepenuhnya pada setiap masa. Perkuburan adalah satu benda yang berkaitan dengan agama atau adat pesaka rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, perasaan rakyat patutlah dipertimbangkan apabila cadangan seperti ini muncul. Saya berharap Yang Berhormat Menteri dan Kerajaan-kerajaan Negeri akan memberi perhatian berat terhadap perkara ini.

5.17 ptg.

Tuan Abdul Aziz bin Tapa: Tuan Yang di-Pertua, banyak sudah kita dengar daripada Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini tadi membicarakan mengenai Akta Badan-badan Berkanun ini. Saya berdiri menyokong penuh Akta ini. Berbagi-bagai teguran dan juga cadangan telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat untuk memperbaiki Badan-badan Berkanun ini. Ada yang mengatakan hal modal, hal

Undang-undang dan sebagainya. Saya hanya hendak menyentuh sedikit perkara sahaja di atas Rang Undang-undang ini iaitu mengenai sikap.

Saya perhatikan dan pernah kita dengar juga terbaca di dalam surat-khabar seperti ruangan "Ulasan Pemerhati" mengatakan bahawa untuk hendak memajukan orang Melayu dalam hal perniagaan ini sikap ini paling penting rasa saya. Sebab kadang-kadang diberi dia modal dia hendak meminjam \$100,000. Kadang-kadang dia beli motokar dahulu. Ini pernah saya dengar, sebelum dia berniaga dia sudah beli motokar dahulu. Kadang-kadang suku daripada wang itu dibelikan motokar, sudah habis. Macam mana hendak berniaga? Jadi saya harus menagui hal ini di dalam Dewan ini, ini satu sikap yang lemah pada kita. Tetapi kenapa ini berlaku? Kerana semenjak daripada masa penjajah dahulu orang-orang bumiputra ini tidak masuk dalam lapangan perniagaan. Kadang-kadang dia tidak tahu mengira banyak wang dan dia mengamalkan hidup cara unjuk-anjak, tanam ubi atas batas, ada budi ada balas. Oleh sebab itu, masalah perniagaan yang besar-besar dia tidak tahu.

Kemudian apabila kita merdeka barulah kita hendak samakan ekonomi orang asing ataupun keturunan asing seperti India dan China dengan orang Melayu supaya kekayaan itu dapat dirasai oleh keseluruhan rakyat. Oleh sebab itu, dalam keadaan yang baru dijumpai ini, dia kadang-kadang gelap mata, ada pula orang yang hendak menolong. Oleh sebab itu, banyak yang kesasar atau yang hilang punca kata orang Melayu.

Oleh sebab itu, perkara mengenai sikap ini hendaklah didatangkan daripada atas. Sebab masyarakat bumiputra biasanya dia kata alam beraja, luak berpenghulu, bersuku-suku anak buah, sembah kepada datuk. Jadi apapun pasti datang dari atas, jarang yang datang dari bawah. Kalau kita perhatikan perkembangan pelajaran, misalnya, dalam negara kita ini, datang dari atas. Oleh sebab itu, Kementerian mesti memperhatikan sungguh-sungguh dalam memperbaiki sikap ini. Untuk mencari jalan bagi memperbaiki sikap ini pada pendapat saya perlulah didalam membentuk Jawatankuasa-jawatankuasa ini memasukkan salah seorang atau dua orang daripadanya dari ahli sosio-ekonomi, ahli kemasyarakatan; bukan ahli ekonomi sahaja.

Sebab yang membawa sikap ini adalah orang yang ahli kemasyarakatan yang tahu hal ini. Boleh dia mengkaji dari akar umbi dan pangkal cara-cara hidup sesuatu kumpulan manusia. Apabila dia tahu bagaimana latar-belakang sesuatu masyarakat itu maka dapatlah dia mencari jalan untuk mengatasi masalah masyarakat itu. Macam kita perhatikan saudara-saudara kita orang China, dia memang dari dahulu kalau kita kaji latar-belakang masyarakatnya hidup ini sebagai satu perjudian; (a test). Hari ini rugi seribu, tidak mengapa. Saya perhatikan saudara kita orang China yang jual air batu. Musim hujan air batu tak laku. Dia tolak juga kereta itu. Hari ini tak laku, dia buang. Besok dia jual lagi, lama-lama bila hari panas dia buat duit. Ini satu latarbelakang masyarakat. Yang penting saya fikir bukan sahaja ahli-ahli ekonomi di dalam Jawatankuasa yang hendak dibentuk oleh Kementerian ini, tetapi ahli kemasyarakatan sangat penting, kerana ada dibincangkan di dalam Kongres Kebudayaan pada tahun 1973 dahulu, ini sudah disebut dalam Kongres itu. Jadi inilah satu perkara yang saya fikir selain daripada modal, selain daripada yang lain yang telah dicakapkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad dan juga Datuk Nik Hassan tadi, saya fikir ini satu perkara yang penting sekali mesti dikaji. Kalau tidak besok kata pepatah Melayu "pelabur habis pelembang tak alah", duit habis semua berhutang hendak pergi ke mahkamah sehingga Yang Berhormat Datuk Athi Nahappan pun tidak dapat diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja pendapat saya dan akhirnya saya menyokong Bill ini dengan sepenuhnya.

5.24 ptg.

Puan Dasimah Dasir: Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong dan mengucapkan terima kasih kepada Menteri yang berkenaan yang telah mengemukakan Rang Undang-undang ini. Apa yang saya musykil berkenaan perkara yang sahabat saya menyatakan tadi iaitu lori dan bas ini tidak patut MARA hendak berniaga sama. Ini adalah selalu dilaung-laung, biarlah orang-orang bumiputra mendapatkan kejayaan, mendapat keuntungan, mendapat kelabahan dan mendapat kelebihan, tetapi mengapakah MARA ini adalah satu badan yang dipegang oleh Kerajaan membuat satu perniagaan, tetapi mendapat kerugian yang

paling besar sekali. Ini saya harap kepada Menteri yang berkenaan patutlah diubah Rang Undang-undang ini supaya lori dan bas itu berilah kepada bumiputra dan janganlah lagi dipegang oleh MARA.

Saya berharap dan memberi tahniah kepada Yang Berhormat Senator Puan Rafidah Aziz iaitu seorang pakar ekonomi, beliau berada di dalam Kementerian ini betul beliau mengambil tindakan yang tidak sesuai itu supaya dipinda dan diubah supaya dapat keuntungan. Kami Wanita berharap-harap sangat supaya Puan Rafidah akan menjadi seorang Menteri pada masa yang akan datang. (*Tepuk*)

Yang kedua, yang mana MARA ini juga memberi pinjaman, rugi atau untung tidak pun tahu orang hutang tidak tahu siapakah yang hutang beribu-ribu juta, beratus-ratus million, cubalah membawa ke mahkamah orang yang betul-betul tidak membayar hutang sebab Kerajaan rugi kalau begitu keadaannya. Lama-lama Kerajaan bankrupt, kerana hutang tak bayar. Kalaulah yang hendak buat saman orang yang hutang \$100, \$200, \$300 dibawa ke mahkamah tetapi orang yang pinjam banyak tidak dibawa ke mahkamah. Inipun tak patut, Tuan Yang di-Pertua.

Saya harap sahabat saya Yang Berhormat Datuk Nik Hassan menyatakan bahawa Tan Sri atau Datuk-datuk ada dalam Jawatankuasa itu. Saya tidak menghirau samada Datuk atau Tan Sri, muda atau tua, tetapi apa yang saya minta kepada Menteri yang berkenaan pilihlah orang-orang yang betul-betul ada kejujuran, keikhlasan, kepada rakyat supaya dapat rakyat menduduki sama taraf dengan keadaan orang-orang yang bukan bumiputra.

5.27 ptg.

Menteri Perusahaan Awam (Datuk Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang telah memberi banyak sumbangan terhadap Bill yang telah dikemukakan oleh saya semalam. Semuanya saya sangat bangga di atas teguran-teguran ini kerana saya percaya teguran-teguran ini akan membina dan membaiki keadaan yang pada masa ini ada setengah-setengah tidak baik. Kita berharap sama-sama kita bertanggungjawab kepada

rakyat, kepada negara, bangsa supaya dapat perbadanan Kerajaan yang diwujudkan dengan sebab hendak menolong kaum yang lemah iaitu kaum bumiputra.

Dalam jawapan saya barangkali harus tidak termasuk semua teguran-teguran yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat pada hari ini, walau macammanapun saya ambil perhatian dan, insya Allah, kita akan melaksanakan segala pengesyoran-pengesyoran dan cadangan-cadangan itu dengan seberapa yang boleh.

Saya suka menyentuh berkenaan dengan teguran yang dibuat oleh Yang Berhormat Senator Haji Ibrahim Yaacob, dia mengesyorkan supaya bas Express MARA diberi atau diambil alih oleh syarikat-syarikat bumiputra khususnya syarikat-syarikat bekas perajurit. Sememangnya dasar Kerajaan juga dasar MARA akan menyerah syarikat-syarikat dan badan-badan berkanun serta anak-anak syarikat yang ditubuhkan oleh badan itu kepada bumiputra-bumiputra atau syarikat-syarikat yang dipunyai oleh bumiputra. Tetapi dalam soal memberi alih atau mengambil alih ini hendaklah dikaji. Sekiranya satu-satu projek, misalnya, bas MARA hendak diserahkan kepada syarikat bumiputra hendaklah juga dikaji bolehkah memberi keuntungan kepada syarikat itu ataupun kepada perseorangan bumiputra itu. Kalau nampak daripada awal bahawa tidak ada kemampuan bagi syarikat bumiputra hendak menjalankan bas itu maka sudah tentu pihak MARA dan badan-badan lain pun tidak akan menyerahkan satu-satu projek itu kepada anak bumiputra. Tetapi kalau ada memang diberi peluang ini kepada sesebuah syarikat ataupun kepada pihak pakatan-pakatan bumiputra dan sudah pun ada projek-projek Bas MARA yang telah diserahkan kepada syarikat-syarikat bagi hendak menolong syarikat-syarikat bumiputra yang baru sahaja berkecimpung dalam lapangan kenderaan, MARA memegang lagi saham-saham di dalam syarikat itu. Misalnya, sebuah syarikat bumiputra sanggup hendak membeli 30% dan MARA memegang 70%, dan pegawai MARA yang ada pengalaman dalam hal itu meneruskan perusahaan itu dan melatih anak tempatan daripada syarikat bumiputra itu dengan harapan supaya anak tempatan itu dapat mengambil alih tempat-tempat atau jawatan, yang dipegang oleh pegawai-pegawai MARA itu.

Akhirnya tujuannya ialah hendak menyerahkan 100% saham itu terutamanya kepada syarikat-syarikat tempatan di mana bas-bas ini dijalankan. Itu adalah memang menjadi tujuan akhirnya.

Begitu juga dengan Bas Ekspres MARA yang ada 2-3 routes perjalanan pada masa ini yang didapati ada keuntungan, tetapi ini baru sahaja dan kalau sekiranya dalam pengalaman yang belum cukup dua tahun pun kalau nampak ada keuntungan dan kemampuan yang boleh diambil alih oleh syarikat-syarikat bumiputra maka sudah tentu pihak Kementerian saya bersama-sama dengan MARA akan menimbang dengan seriusnya supaya dapat kita menyerahkan kepada mana-mana syarikat bumiputra yang hendak mengambil alih perusahaan-perusahaan yang tersebut. Kita berharap apabila ada syarikat syarikat daripada badan-badan Kerajaan hendak diserahkan atau dijual kepada pihak bumiputra, kita harap syarikat-syarikat bekas perajurit juga akan mengambil bahagian bersama. Kalau sekiranya sekarang sudah ada yang hendak mengambil alih mana-mana perusahaan yang dibuat oleh MARA, kita berharap mereka itu ataupun wakil-wakil daripada syarikat bekas perajurit itu datang dan berjumpa dengan pegawai-pegawai kanan MARA untuk berbincang di mana mereka dapat membeli ataupun mengambil bahagian dalam usaha sama dengan pihak-pihak badan berkanun ini.

Yang Berhormat Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah telah menyentuh berkenaan dengan kebimbangan beliau sekiranya dengan pindaan undang-undang ini Menteri akan mengkongkong segala kuasanya dalam badan-badan berkanun yang pada masa ini dijalankan oleh Lembaga ataupun jawatan-kuasanya masing-masing. Sebenarnya bukanlah tujuan pindaan undang-undang ini hendak mengkongkong kuasa badan-badan berkanun, ini cuma tujuannya untuk menyelaraskan perjalanan perbadanan-perbadanan yang pada masa ini sebagaimana Yang Berhormat mengetahui perbadanan ini menubuhkan anak-anak syarikat yang begitu banyak seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat kata macam cendawan tumbuh sahaja. Jadi dengan tidak adanya pengawasan yang betul dan kawalan yang ketat sudah tentulah di dalam badan-badan ini hendak menjalankan usaha-usahanya dengan sebab enthusiasim yang ada keuntungannya, maka badan-badan ini menubuhkan anak-anak syarikat dengan

tidak menjalankan kajian yang sedalam-dalamnya. Dengan sebab itulah kita meminda undang-undang ini supaya dapat Kementerian bersama-sama dengan badan-badan ini untuk mengkaji samada projek-projek baru yang hendak dibuat itu adakah boleh menguntungkan bukan sahaja menguntungkan kepada badan-badan ini, bahkan menguntungkan kepada negara dan bangsa kita. Saya harap keraguan ini tidak lagi timbul dengan adanya pindaan ini dan kita rasa Kementerian Perusahaan Awam ini dapat mengawasi dengan lebih teliti dan dapat berkerjasama lebih kuat lagi dengan badan-badan di bawah kawalan Kementerian Perusahaan Awam ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Nik Hassan dengan panjang lebar telah menyentuh tiga perkara iaitu berkenaan dengan undang-undang sendiri, kenapakah tidak Kerajaan meneliti keseluruhan undang-undang, dan janganlah membuat pindaan hari ini, esok buat pula pindaan, seterusnya bulan hadapan dibuat pula pindaan, ini menunjukkan Kerajaan tidak ada pemikiran yang tetap. Sebagaimana yang kita maklum undang-undang dibuat oleh manusia iaitu Ahli-ahli Parlimen. Jadi sudah tentu apabila masa dibuat itu mengikut keadaan masa itu dan apabila masa berubah, keadaannya berubah. Selepas kajian atau selepas pengalaman, maka undang-undang pun terpaksa juga dipinda, kecuali undang-undang yang dibuat oleh Tuhan sahaja seperti Quran yang tidak ada pindaan. Kalau undang-undang yang dibuat oleh manusia, mesti ada pindaan mengikut situasi satu-satu masa dan mengikut zaman. Jadi dengan sebab itu kita tidak dapat mengadakan satu undang-undang yang tetap, bahkan Perlembagaan kita jarang-jarang sekali dipinda dan dengan sebab peredaran masa terpaksa juga dipinda. Walau bagaimanapun setiap undang-undang yang hendak dipinda itu hendaklah pihak Kerajaan mengkaji dengan sedalam-dalamnya sebelum pindaan dibuat, kerana undang-undang ini tentulah memakan masa Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga masa pegawai-pegawai. Tetapi apabila undang-undang ini hendak dibuat seperti yang telah disyorkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Nik Hassan tadi sepatutnya ada juga orang yang pakar perniagaan, kalau sekiranya undang-undang berkenaan perniagaan hendak dipinda, maka pakar perniagaan juga hendaklah memberi fikiran dan sebagainya. Pihak

yang membuat dasar seperti Kementerian atau Kerajaan memanggil pegawai-pegawai yang menderafkan undang-undang ini supaya mendengar dan mengambil bahagian dalam jawatankuasa yang berkenaan supaya pegawai itu dapat fahaman konsep yang sebenarnya fasal apa undang-undang itu hendak dipinda. Untuk peruntukan yang sesuai dan hendak dipinda itu hendaklah dikaji sedalam-dalamnya bersama-sama dengan pegawai-pegawai dan juga Jumaah ataupun Lembaga perbadanan itu. Dalam Lembaga satu-satu perbadanan itu memang sudah ada Wakil-wakil Rakyat bahkan jika Ahli-ahli Yang Berhormat ingat bahawa semenjak tahun 1975 Majlis MARA mengandungi empat orang Ahli Parlimen yang mana salah seorangnya ialah daripada Dewan Negara iaitu Yang Berhormat Senator Rafidah Aziz sebelum beliau dilantik menjadi Setiausaha Parlimen, dan beliau terpaksa meletakkan jawatan itu sekarang ini. Itu bermakna Kerajaan memang memberi pandangan dan melihat bahawa perlu ada Wakil-wakil Rakyat kerana kita tahu wakil-wakil rakyat ini mendapat ilham daripada rakyat. Pemikiran inilah yang diperlukan bagi perbadanan-perbadanan ini menjalankan tugas masing-masing. Wakil-wakil Rakyat yang dilantik ini tentulah Wakil-wakil Rakyat yang ada pengalaman perniagaan seperti Senator Rafidah Aziz sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat tahu beliau ialah pakar ekonomi yang boleh menolong badan-badan seperti MARA dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan jentera yang baik patut diadakan dalam perbadanan-perbadanan ini memanglah hasrat Kerajaan dan hasrat perbadanan-perbadanan seperti yang disyorkan oleh ahli Lembaga atau ahli-ahli majlis badan ini, janganlah pilih sahaja pegawai-pegawai kanan yang telah bersara yang umurnya telah meningkat atau sudah tua tidak dapat memikirkan lagi hal-hal yang dikehendaki oleh rakyat pada masa ini. Pihak Kerajaan sentiasa memikirkan berkenaan dengan hal ini, tetapi dalam pemilihan Kerajaan hendaklah juga memandang kepada pengalaman seseorang tidak kira walaupun seseorang itu telah menjadi pegawai Kerajaan yang kanan ataupun seorang yang telah mengambil bahagian dalam swasta yang begitu lama ataupun daripada pihak akademik. Jadi, Kerajaan memandangkan di atas apakah yang boleh seseorang itu memberi perkhidmatannya.

Misalnya, dalam perlantikan Pengerusi MARA pada masa ini. Beliau seorang Pegawai Kanan dalam Kerajaan pada masa dahulu sebagai (M.C.S.) terkanan dan sudah pun berumur, memang sudah berumur, tetapi beliau masih lagi cekap di dalam pemikirannya, beliau ada pengalaman yang banyak dengan tugasnya sebagai Duta kita di England dan telah melihat dalam dunia perniagaan di sebelah Barat. Ini memang beliau dapat memberikan sumbangan yang besar kepada perbadanan seperti MARA ini. Dengan sebab itulah Kerajaan memilih beliau menjadi Pengerusi dan sungguhpun beliau telah bersara, umurnya lebih daripada 55 tahun pada masa ini, tetapi beliau boleh memikir dengan cergas dan beliau sendiri juga berkecimpung di dalam lapangan perniagaan. Jadi pada himat kami perlantikan seperti itu adalah sesuai dibuat dan bukanlah dengan tujuan hendak mengambil Tan Sri atau Datuk sahaja. Siapa yang tak ada gelaran pun kalau sekiranya boleh memberi sumbangan yang baik, Kerajaan akan menimbangkannya untuk perlantikan. Memang dalam pemilihan itu Kerajaan memberikan perhatian segala faktor itu untuk pertimbangannya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam memilih pegawai-pegawai, sungguhpun dalam pemikiran pihak berkuasa melantik ataupun Kerajaan melantik pegawai-pegawai dalam perbadanan itu pada masa itu dipandangkan pegawai-pegawai itu sangat penuh dedikasi dan boleh memberikan sumbangan yang besar kepada perbadanan ataupun anak syarikatnya, tetapi dalam pelaksanaan itu, katalah, ada seratus orang pegawai, sudah tentu ada empat-lima orang atau sebilangan kecil yang tidak mencapai cita-cita yang dikehendaki oleh sesuatu badan berkuasa atau badan berkanun. Ini memang tak dapat dielak, walau dalam swasta pun ada pegawai yang menjalankan tugasnya tidak sepenuh hati. Ini tak dapat dielakkan, apatah lagi di dalam perbadanan seperti MARA, UDA dan sebagainya. Kita seberapa boleh hendak melatih anak bumiputra dalam lapangan perniagaan. Oleh itu pemilihan yang pertama diambil daripada anak-anak bumiputra dan dengan sebab kita kurang pengalaman, pegawai-pegawai kita kurang pengalaman, sudah tentu kita akan menempuh kesulitan ini. Walau bagaimana pun, satu kesimpulan yang besar yang kita dapat daripadanya kita dapat memberi latihan kepada anak-anak

bumiputra supaya masuk dalam lapangan perniagaan dan perusahaan. Kalau tak ada badan berkanun seperti MARA, UDA, L.P.N. atau perbadanan lain atau syarikat yang ditubuhkan oleh badan-badan itu, sudah tentu tak ada peluang yang banyak yang begitu luas pada masa ini untuk melatih anak bumiputra dalam lapangan perniagaan dan perusahaan ini.

Banyak Ahli-ahli Yang Berhormat ada menyebut bahawa badan-badan berkanun yang ditubuhkan oleh Kerajaan menanggung kerugian. Perusahaan kenderaan misalnya, menanggung kerugian \$500,000 setahun. Kita mesti ingat juga bahawa badan berkanun ini bukan sahaja untuk menjalankan perniagaan tetapi juga untuk mengadakan latihan daripada segi sosio-ekonomi, melatih anak-anak bumiputra dalam lapangan perniagaan. Dalam melatih inilah kita terpaksa membelanjakan wang dan sebahagian daripada perbelanjaan itu ialah untuk membayar gaji pegawai tadi. Jadi, memang ada pegawai-pegawai yang betul-betul bekerja dengan tulus ikhlas dan betul-betul dedikasi. Ini memang tujuan kita untuk mencapai hasrat yang kita kehendaki tetapi dari sebahagian kecil, sungguhpun kita bayar gaji, tetapi gaji itu kita sifatkan sebagai bayaran melatih pegawai-pegawai muda bumiputra dalam lapangan perniagaan. Tetapi dengan sebab beliau tak dapat mengikuti atau menjalankan tugasnya sebagaimana hasrat kita maka ini tentulah kita katakan rugi, sebaliknya kerugian ini memanglah boleh menguntungkan kaum bumiputra, menguntungkan dengan cara mendapat pengalaman dan latihan dalam bidang perniagaan dan perusahaan.

Senator Datuk Nik Hassan mencadangkan supaya modal yang banyak diberikan kepada badan berkanun seperti MARA, UDA dan sebagainya untuk menjalankan, terutama rancangan dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Memanglah sebagaimana kita maklum bahawa cadangan Kerajaan akan menambah peruntukan kepada badan-badan awam itu dalam Rancangan Malaysia Ketiga yang akan diluluskan oleh Parlimen dalam bulan Julai tahun ini. Cadangannya memang hendak ditambah tetapi sungguhpun hendak ditambah tentulah kalau kita hendak buat segala projek yang kita fikir perlu dibuat, maka sudah tentulah tidak mencukupi dengan wang perbelanjaan daripada Kerajaan sahaja, bahkan pada masa ini badan-badan tersebut telahpun meminjam wang

daripada merchant bank dan commercial bank yang lain. Jadi pada hemat saya tidaklah tepat bagi Yang Berhormat mengatakan bank-bank perniagaan tidak menolong atau memberi bantuan kepada badan-badan Kerajaan atau badan awam dan juga kaum bumiputra.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan, saya tidak kata keseluruhan bank tidak menolong bumiputra, saya kata bank-bank asing yang ada di Malaysia ini tidak banyak menolong bumiputra berbanding dengan bank-bank yang ada di Malaysia seperti Bank Bumiputra, Malayan Banking dan lain-lain. Bank-bank asing yang paling tidak memberi sokongan di dalam usaha Kerajaan untuk mengadakan modal yang cukup kepada bumiputra dan badan-badan berkanun yang ada dalam Malaysia ini, bukan keseluruhan bank tetapi bank-bank asing.

Datuk Haji Mohamed bin Yaacob: Terima kasih atas penjelasan itu, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi pada hemat saya bank-bank asing pun ada menolong bumiputra, tetapi bank-bank asing itu tidaklah membuat publisiti bila memberi pertolongan ataupun membantu bumiputra bahkan melalui Credit Guarantee Corporation (C.G.C.) yang ditubuhkan oleh Kerajaan dan juga dengan kerjasama MARA banyak bank-bank selain daripada Bank Bumiputra dan Malayan Banking memberi pinjaman sebagai modal untuk bumiputra.

Datuk Haji Nik Hassan bin Nik Yahya: Untuk penjelasan. Saya rasa Menteri yang berkenaan boleh menyoal daripada Bank Negara iaitu peratus yang disumbangkan oleh bank asing terlampau sedikit berbanding dengan bank tempatan yang ada di Malaysia.

Datuk Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, memang saya pada hari ini tak ada angka yang tepat, tetapi kalau Yang Berhormat Senator Datuk Nik Hassan hendak mengetahui lebih dalam berkenaan dengan satu bank perniagaan, oleh sebab seorang pegawai dalam bank itu ialah juga Ahli Parlimen dalam Dewan Rakyat, bolehlah Ahli Yang Berhormat cuba bercakap dengan beliau, bertanya banyak manakah satu-satu bank asing membantu bumiputra.

Rasa saya bank-bank itu juga banyak memberi sumbangan atau pinjaman pada bumiputra yang menjalankan perniagaan dan perusahaan.

Tuan Yang di-Pertua, memang kita memerlukan lagi lebih banyak bank-bank perniagaan dalam negara kita terutama bank-bank luar supaya dapat memberi sumbangan yang lebih besar pada masa yang akan datang dan saya percaya kalau sekiranya satu projek yang dipohon oleh bumiputra itu viable, memberi keuntungan, saya percaya dengan sokongan C.G.C. atau bank itu akan memberi pinjaman.

Suka juga saya menyentuh berkenaan dengan kenyataan Senator Datuk Nik Hassan iaitu dengan sebab galakan dan cabaran yang dibuat oleh Kerajaan terhadap bumiputra, maka ramai kaum bumiputra tampil ke hadapan untuk menjalankan perniagaan seperti cendawan tumbuh selepas hujan. Ini sangat menggalakkan hati kita, tetapi malangnya cendawan yang tumbuh itu bukanlah semua tumbuh dengan cara yang subur. Kebanyakan yang tumbuh itu kadang-kadang tak patut tumbuh pun sudah tumbuh juga. Misalnya, orang yang tak pernah berhasrat langsung hendak berniaga—ini memang kita semua mengetahui—tetapi dengan sebab MARA hendak beri pinjam duit, maka mereka pun pinjam.

Sebab itulah Ahli Yang Berhormat tadi katakan sikap, sikap hendak meminjam itu. Jadi dengan tiada sikap hendak berniaga, sudah Kerajaan adakan MARA ini hendak beri bantuan, hendak beri pertolongan, boleh pinjam \$5,000 ke bawah ataupun \$10,000 ke bawah, maka aku hendak berniaga. Dia pergi pinjam duit, lepas dia pinjam duit, setengahnya berkahwin dua pun ada dengan duit MARA (*Ketawa*). Jadi sikap tidak ada; betullah, saya bersetuju penuh dengan Ahli Yang Berhormat itu sikap bumiputra ini patut kita kaji dan patut kita asuhi dengan sebab itulah MARA mengadakan latihan-latihan dan kursus-kursus bagi mereka yang hendak menceburkan diri dalam lapangan perniagaan dan perusahaan. Memang kursus-kursus ini dijalankan seterusnya dari semasa ke semasa. Dan semua bumiputra yang sedang berniaga kecil-kecil yang hendak masuk dalam perniagaan dan perusahaan, mereka dijemput menghadiri kursus, bahkan MARA membelanjakan wang untuk kursus-kursus ini, diberi duit pocket kepada ahli-ahli

yang mengambil bahagian, peserta-peserta kursus itu. Ini juga untuk hendak mengubah sikap bukan sahaja untuk buat kira-kira dharab, bahagi ataupun tolak, campur tetapi hendak memasukkan dalam pemikiran mereka sikap pembaharuan atau pemikiran pembaharuan. Ini kita perlu sangat, saya bersetuju benarlah dan insya Allah, kita akan memperkuatkan dari segi mengubah sikap anak bumiputra terutama bagi mereka yang hendak menceburkan diri dalam lapangan perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat sahabat saya Datuk Haji Ahmad bin Arshad mengesyorkan patut diawasi perjalanan-perjalanan perbadanan awam dan anak-anak syarikat perbadanan-perbadanan itu. Semangnyalah satu dari tugas Kementerian saya memperhatikan perjalanan-perjalanan, bahkan bukan sahaja perbadanan awam, tetapi juga anak-anak syarikat perbadanan-perbadanan ini, dengan sebab itulah kita memindahkan Undang-undang, tujuan utama adalah kita hendak mengawasi dengan lebih rapi terpaksa kita mengubah Rang Undang-undang ini dan tidak sebagaimana Senator Haji Khalid bimbang kita hendak mengongkongan kuasa yang diberi kepada Badan-badan tadi. Tujuannya ialah kerana hendak mengawasi seperti yang disyorkan oleh Senator Haji Ahmad Arshad.

Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah: Saya tidak menyebutkan perkataan dikongkong, saya berkata kalau sekiranya Menteri berkuasa lagi di atas orang-orang yang telahpun Menteri sendiri melantiknya, maknanya melambatkan kerja dan menduplicatekan kerja. Saya tidak menyebut perkataan kongkong.

Datuk Haji Mohamed bin Yaacob: Jadi diinterpritasikan sebagai hendak mengongkong (*Ketawa*). Walau macammapun, kita tidak berhajat hendak melambat-lambatkan satu-satu rancangan yang dibuat ataupun keputusan yang dibuat oleh sesuatu Perbadanan itu, satu-satu jemaah ataupun Jawatankuasa Perbadanan itu. Kita memang ada Pegawai-pegawai dalam Badan ini dan Pegawai-pegawai ini sentiasa memberi laporan dengan Menteri sendiri dan Menteri membuat keputusan dengan serta merta dengan tidak mengambil masa yang panjang. Kalau ada dengar-dengar sungutan, saya harap Ahli Yang Berhormat sampaikanlah kepada saya kalau sekiranya ada projek yang disyorkan oleh

badan-badan ini tergendala di Kementerian saya, insya Allah, saya cuba mengatasinya.

Berkenaan dengan L.P.N. yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad itu, salah satu tugas L.P.N. ialah menentukan harga padi yang stable selain daripada menentukan harga beras yang berpatutan dan bekalan beras negara yang terjamin. Itu satu L.P.N. bukanlah dasar Kerajaan hendak membolot perniagaan di dalam negeri ini, tetapi adalah menggalakkan pihak swasta juga mengambil bahagian. Berkenaan dengan teguran yang dibuat oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad tentang beras dibawa ke Pulau Pinang daripada Kedah, memang keperluan Pulau Pinang itu dengan sebab ramainya penduduk-penduduknya, maka keperluan itu lebih besar barangkali daripada setengah-setengah negeri. Jadi, Pulau Pinang itu dekat dengan Kedah maka lebih menguntungkan Lembaga menghantar beras lebih banyak kepada Pulau Pinang, Kalau kita bawa beras misalnya, daripada Selangor maka tentulah perbelanjaan-pengangkutan tentulah lebih mahal, sebab itulah kita boleh nampak kadang-kadang banyak beras itu datang daripada Kedah ke Pulau Pinang kerana ini adalah pasaran beras yang berpatutan untuk penanam-penanam padi di Negeri Kedah.

Teguran yang berkenaan dengan UDA katanya jikalau UDA dikehendaki membina rumah di seluruh negara tentulah Badan itu tiada ada kemampuan bukan sahaja dari segi kewangan tetapi juga tenaga manusia. Oleh sebab itulah UDA menumpukan tenaganya di ibu kota dan juga di bandar-bandar ibu negeri sahaja. Tetapi pada masa ini UDA telah membuat usaha bersama dengan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri masing-masing yang dinamakan Perbadanan yang baharu ini ialah namanya PERUDA dan PERUDA ini selain daripada ibu negeri itu, harus juga membina bangunan-bangunan di bandar-bandar selain daripada ibu negeri di bandar-bandar seperti Segamat, Muar kalau hendak ambil Negeri Johor sahaja, sebagai Yang Berhormat Senator tadi berkata. Saya diberi faham barangkali di Johor belum lagi menubuhkan PERUDA. Kita berharap Yang Berhormat itu dapat membincangkan dengan Kerajaan Negeri cepat menubuhkan PERUDA supaya dapat kita membanyakkan lagi usaha-usaha bersama ini di bandar-bandar yang lain. Perbadanan Ekonomi Johor memangnya dapat membuat usaha-usaha ini

sendiri barangkali haruslah memikirkan tidak payah berusaha sama dengan UDA dalam hal pembinaan ini. Tetapi memanglah Kerajaan berhasrat di mana UDA dan bersama dengan P.K.N. membuat gudang-gudang ataupun gerai-gerai, ruangan-ruangan perniagaan baharu ini memanglah akan dilaksanakan dengan secepat yang boleh mengikut kemampuan.

Senator Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Amin ada menyentuh yang juga

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, satu pertanyaan iaitu kalau hendak membuat bangunan kedai, pihak perniagaan bumiputra sanggup mendirikan, adakah UDA dapat memberikan jalan supaya UDA tidak mendirikan bangunan itu dan serahkan kepada syarikat bumiputra.

Datuk Haji Mohamed bin Yaacob: Terima kasih, saya tertinggal menjawab perkara itu. Sebagaimana saya kata tadi tujuan Kerajaan ini kalau sekiranya ada pihak swasta bumiputra hendak membuat satu projek, maka badan Kerajaan harus jangan bercanggah dan tidak patut bercanggah dengan mana-mana syarikat bumiputra. Jadi dalam hal ini sudah tentu kalau sekiranya ada syarikat bumiputra yang betul-betul bumiputra hendak menjalankan berusaha atau pembinaannya ini tentulah sepatutnya UDA ini berikan kepada syarikat itu memajukan kawasan itu. Kalau sekiranya Yang Berhormat dapat menunjukkan kepada saya di mana ada satu tempat ada bercanggah, Insya Allah, saya akan cuba membaikkannya. Saya telah diberitahu ada satu di Kelang. Memang ada satu Syarikat ataupun perseorangan bumiputra yang boleh dan hendak mendirikan rumah-rumah, tetapi katanya P.K.N.S. hendak mengambil tanah ini untuk mendirikan rumah sendiri. Ini adalah satu rayuan kepada saya yang saya baharu terima dan Insya Allah, saya akan mengkaji dan kalau sekiranya orang perseorangan ataupun syarikatnya betul-betul hendak membina, maka saya percaya Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri ini patut memberi peluang kepada bumiputra itu mendirikan bangunan-bangunan itu untuk dijual ataupun disewa. Ini memang bagus kerana menjimatkan wang UDA juga ataupun Perbadanan itu supaya wang Perbadanan itu dapat dibelanjakan untuk pembinaan lain-lain tempat.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Mohd. Amin juga menyentuh berkenaan UDA patut mengadakan joint-venture dengan bumiputra-bumiputra yang ada memiliki tanah terutamanya di ibu kota dan di bandar-bandar besar. Memang UDA sedang menjalankan usaha bersama dengan bumiputra dan juga syarikat-syarikat bumiputra untuk pembinaan gudang-gudang di bandar-bandar, terutama bandar-bandar besar. Tetapi ada tapak-tapak yang disyorkan setengahnya tidak begitu menguntungkan pada pengusaha-pengusaha di mana jauh daripada bandar. Ini memang sukar bagi UDA untuk mengadakan joint-venture dengan bumiputra.

Berkenaan dengan ini juga ada seorang Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh berkenaan dengan tanah pusaka dan sebagainya yang mana sepatutnya dibuat joint-venture bersama dengan UDA. UDA patut joint-venture dengan bumiputra yang seumpama itu untuk memajukannya. Itu memanglah tujuan UDA hendak menolong. Tetapi kadang-kadang tanah bumiputra ini yang menjadi pusaka ini memang sukar dari segi undang-undang kerana tidak ada orang yang hendak menuntut pusaka dan sebagainya. Dengan sebab itulah kadang-kadang tidak dapat UDA hendak menolong kerana ini akan mengambil masa yang panjang. Kadang-kadang hendak mencari seorang pemegang kuasa pun tidak dapat. Tetapi kalau sekiranya tanah yang seumpama itu betul-betul di dalam bandar yang agak memberi keuntungan, bolehlah pihak pemegang kuasa pesaka itu berunding dengan MARA supaya dapat MARA datang bersama-sama untuk memajukan tapak yang tertinggal itu.

Yang Berhormat Senator Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub juga ada menyebut tanah Sultanate di Kota Bharu. Memang saya tahu berkenaan dengan tanah Sultanate ini. Dan dahulu ada permohonan daripada Sultanate ini untuk memajukan tanah-tanah dengan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri. Tetapi dengan sebab implikasi undang-undang maka Kerajaan Pusat telah mengesyorkan kepada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri supaya mengkaji dan menghalusi lagi cadangan itu. Sebagaimana yang kita ketahui, tanah Sultanate ini adalah dipunyai oleh Sultan memerintah, dan mengikut Perlembagaan, Sultan memerintah tidak boleh di bawa ke mahkamah dan sebagainya. Jadi dengan sebab itulah pihak Perbadanan

Kemajuan Ekonomi Negeri diminta supaya menghalusi lagi berkenaan dengan implikasi undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Ismail bin Sheikh Ibrahim telah menyetujui mengenai L.P.N.; mengeluarkan beras supaya dapat ditambah; membawa masuk mesin menuai dan sebagainya; keluaran beras dalam negara ini patut ditambah. Jadi hal ini memang diberi tugas kepada Kementerian Pertanian untuk menambahkan pengeluaran beras di dalam negara kita supaya seboleh-bolehnya kita tidak lagi bergantung beras daripada luar. Dan Yang Berhormat Senator Ismail Sheikh Ibrahim juga mengesyorkan supaya dibawa masuk mesin-mesin penuai dan sebagainya. Ini adalah dalam perhatian Kementerian yang berkenaan. Saya percaya dan sambil itu kita juga hendaklah awasi apabila kita membawa jentera-jentera besar-besar ini pun, kita kenalah ingat bahawa ramai daripada rakyat kita akan tidak ada pekerjaan. Jadi kalau mesin besar merampas hak tenaga rakyat umumnya satu-satu mesin harus mengganti 40 orang tenaga rakyat. Jikalau tidak ada mesin ini; 40 orang boleh buat kerja dan boleh cari makan. Pihak Kerajaan memang mengawasi, badan-badan berkenaan begitu juga mengawasi berkenaan dengan ini.

Ahli Yang Berhormat Senator Ismail bin Sheikh Ibrahim juga menyatakan kenapakah UDA cuma mengambil 30% sahaja daripada projek-projek usaha bersama UDA dengan pihak swasta. Suka saya memaklumkan bahawa ada projek-projek yang UDA masuk bersama-sama dan pihak swasta bukan setakat 30% bahkan lebih daripada 50% pun ada. Mengikut keadaannya. Yang ada 30% setakat yang saya tahu ialah kerana pihak swasta yang bukan bumiputra ini memang tanahnya tanah yang dipunyai olehnya dan modal yang besar telahpun dikeluarkan oleh pihak swasta yang bukan bumiputra itu. Oleh itu dengan sebab hendak adakan 30% hak dalam kawasan ataupun projek yang dipunyai oleh bumiputra maka UDA minta supaya dapat dimasukkan modal UDA sebanyak 30% supaya apabila pembinaan ataupun pembangunan kawasan itu siap, maka tentulah terjamin 30% daripada itu dipunyai oleh bumiputra. Tetapi buat sementara UDA memegang saham ataupun modal itu. Itulah sebabnya ada kadang-kadang satu-satu projek usaha bersama ini

UDA mempunyai 30%. Tetapi ini bukanlah seluruhnya. Ada projek-projek yang UDA mempunyai lebih 50% modal.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan teguran yang dibuat oleh Yang Berhormat Datuk Syed Hassan Aidid permohonan pinjaman lambat diluluskan, pinjaman kecil \$100 hingga \$200 pun lambat diluluskan oleh MARA. Ini saya sungguhlah dukacita mendengarnya. Tetapi mengikut yang diberitahu bahawa pada masa ini tidak lagi begitu lama masa diambil sampai setahun atau setahun lebih untuk mendapatkan pinjaman. Bahkan saya diberitahu masa yang singkat sahaja sebulan atau dua bulan sahaja dapat diluluskan permohonan kebawah \$5 ribu. Tetapi ada masanya terpaksa juga menunggu dengan sebab peruntukan MARA itu tidak mencukupi untuk diberi pinjaman dengan sebab pinjaman yang diberi itu tidak dibayar balik oleh piutang-piutang. Jadi dengan sebab itu maka tabung pinjaman ini surat. Jadi apabila ada pemohon-pemohon banyak pada masa itu sudah tentulah terpaksa menunggu. Apabila dapat pungenan yang banyak sedikit barulah dapat MARA memberi pinjaman. Jadi MARA tidak dapat mengambil duit daripada Perbendaharaan dengan serta-merta untuk pinjaman atau menampung tabung pinjamannya. Jadi kalaulah pemohon-pemohon tiba yang begitu maka sudah tentu terpaksa mengambil masa sedikit. Tetapi dengan kerjasama piutang-piutang MARA di masa-masa kebelakangan ini adalah menggalakkan. Jadi pinjaman yang dipohon pada hari ini tidaklah mengambil masa asalkan projek-projek itu boleh menguntungkan pada pihak piutang. Dan kalau sekiranya ada juga lagi banyak permohonan-permohonan yang tidak diluluskan dan dengan mengambil masa yang panjang; silalah beritahu kepada saya sendiri ataupun Senator Puan Rafidah supaya kami dapat penjelasan daripada pihak MARA untuk mempercepatkan pinjaman kepada bumiputra khususnya peniaga-peniaga kecil yang memerlukan wang dengan cepat untuk mencari kehidupan mereka. Kami sedar hasrat ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat banyak menegur berkenaan dengan pengangkutan MARA iaitu berkenaan dengan lori. Senator Puan Dasimah mengesyorkan supaya janganlah MARA mengambil bahagian di dalam pengangkutan lori dan bas.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa dahulu sangat kurang bumiputra di dalam kenderaan lori maka dengan sebab itulah MARA sendiri menceburkan diri dalam lapangan perusahaan ini. Tetapi didapati banyak kesulitan-kesulitannya, dengan sebab itulah banyak juga kerugian telah ditempuhi. Dan sebagai saya katakan, kerugian-kerugian itu janganlah disifatkan sebagai rugi kita berniaga \$100,000 atau \$200,000. Tetapi kerugian ini ialah dengan sebab kita melatih bumiputra di dalam perusahaan kenderaan. Kami sedar bahawa terutama sekarang di mana Lori Malaysia yang dipunyai oleh MARA yang menjalankan perniagaan bahkan rugi dan ini sedang dalam kajian MARA sendiri dan juga Kementerian saya kenapakah perniagaan ini sangat merosot dan, insya Allah, kita akan seberapa boleh memperbaiki keadaan seperti ini. Apabila perniagaan ini merosot sudah tentu kita tidak akan menjual ataupun memberi alih kepada bumiputra. Kalau memberi alih bermakna kita menolak satu beban kepada bumiputra. Ini akan merugikan kepada bumiputra. Tetapi kita akan memperbaiki lagi, insya Allah, supaya mendapat keuntungan dan lepas itu barulah kita dapat jual kepada syarikat ataupun kepada individu bumiputra membeli saham-saham dalam perusahaan ini. Begitu juga bas MARA, seperti yang saya terangkan dulu, tujuannya ialah hendak menjualkan ataupun hendak memindahkan kepunyaan kepada syarikat bumiputra ataupun kepada individu bumiputra, apabila ada keuntungan

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa ghalibnya bas-bas MARA yang rugi beratus ribu ringgit itu baharulah diserahkan kepada bumiputra. Ini amalan MARA yang telah lalu.

Datuk Haji Mohamed bin Yaacob: Perkara itu memang saya sedar. Apa yang saya tahu kalau satu-satu perniagaan bas MARA di sesuatu kawasan itu untung baharulah dipelawa kepada bumiputra. Kalau yang rugi tidak dipelawa bahkan arahan daripada Kementerian Perusahaan Awam, dahulu dinamakan Penyelarasan Perbadanan Awam, arahnya jangan jual saham-saham perniagaan bas MARA ini, yang mana rugi jangan jual tetapi membaiki keadaannya dahulu. Kalau dapat baiki dan dapat mengatasi kerugian, ada untung baharulah jual.

Tetapi bolehlah Yang Berhormat berikan kepada saya nama-nama kompani bas MARA yang rugi itu dan yang telah dijual dan saya akan minta penjelasan daripada MARA.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, bumiputra tidak hendak lori kerana sudah buruk dan sudah kondem. Bolehkah Kementerian ini memberikan permit-permit lori dan bas itu kepada bumiputra, bas dan lori tidak payah.

Datuk Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, barangkali ini terpaksa kita negotiate dahulu sebelum kita hendak tolak dan hendak jual, janganlah hendak menyekasikan sangat. Bas dan lori yang dipunyai oleh MARA itu hak rakyat dan wang rakyat. Kita gunakan wang rakyat itu mesti dapat keuntungan, janganlah hendak memberi keuntungan kepada satu pihak sahaja, tetapi rakyat umum rugi. Kita patutlah bayar. Kita serahkanlah satu badan orang-tengah mentafsirkan harganya. Kalau badan orang-tengah itu mentafsirkan \$1,000 maka syarikat yang hendak mengambil alih itu patutlah membayar \$1,000—janganlah hendak dapat free sahaja—tidak boleh. (*Ketawa*).

Berkenaan dengan Ahli Yang Berhormat Datuk Dr Wee Khoo Hock iaitu mengambil tanah perkuburan patut dielakkan. Memanglah pihak Kerajaan kita seberapa boleh hendak mengelakkan tanah perkuburan supaya tidak diambil alih, tetapi kalau tanah perkuburan itu tengah-tengah bandar tentulah tidak sesuai lagi tanah perkuburan ini disimpan begitu. Itu mujur dalam negara Malaysia—ada negara jiran kita mengambil sahaja tidak kira tanah perkuburan—tetapi kita memanglah kalau sekiranya tanah perkuburan China misalnya, Kerajaan atau pihak berkuasa akan berunding terlebih dahulu dengan persatuan kaum itu supaya boleh atau tidak mengambil alih dan membayar sugu hati yang cukup kepada persatuan itu untuk memindahkan tanah perkuburan ini kepada tempat yang lain. Jadi setahu saya perkara ini berjalan dengan baik selepas berunding dengan pihak yang berkuasa, dengan pihak persatuan itu banyaklah tanah-tanah perkuburan seperti di Melaka dan di tempat-tempat lain telah dipindahkan. Ini menguntungkan pula kepada persatuan yang berkenaan atau kaum yang berkenaan dengan mendapat harga tanah yang lebih mahal pada masa ini, dahulu mereka beli tanah ini

dengan harga yang murah, tetapi sekarang tanah di tengah-tengah bandar harganya mahal, maka digunakan wang itu untuk perniagaan kaum itu. Walau bagaimanapun, pihak badan berkanun Kerajaan ini tentulah menghalusi sedalam-dalamnya sebelum membuat keputusan untuk hendak mengambil alih satu-satu tanah perkuburan mana-mana kaum pun dalam negara kita ini. Kita memanglah menghormati ugama dan perasaan seniimen satu-satu kaum itu.

Pada hemat saya, Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya meliputi segala teguran-teguran yang telah dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan mana-mana yang saya tidak jawab itu, saya telah mengambil perhatian dan insya Allah, kita akan melaksanakan sama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kalau sekiranya ada Ahli-ahli Yang Berhormat mendengar, akan tetapi mintalah berikan specific, kalau ada satu-satu perkara itu berikan kepada saya ataupun kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Puan Rafidah Aziz, supaya kami dapat melihat dan membaiki keadaan yang tidak sempurna itu.

Saya sungguh berasa bangga di atas perkataan-perkataan manis yang dibuat oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Nik Hassan dan juga Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad bin Arshad berkenaan dengan perlantikan kami berdua, tetapi harapan yang tinggi itu, saya rasa kalau sekiranya tidak dapat dicapai nampaknya saya terpaksa menarik diri, dan saya tinggalkan kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Puan Rafidah Aziz, untuk menjalankannya (*Ketawa*). Tetapi dengan kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat dan semua rakyat dalam negara kita ini, insya Allah, kita cubalah membaiki mana-mana keadaan yang tidak puas hati pada masa ini; dan kita menerimalah segala teguran dan syur-syur daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian (*Tepuk*).

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Peratus yang saya dapat daripada Penyata Bank Negara ini iaitu bank tempatan 17.5% yang diberi pinjaman kepada bumiputra, bank asing 7.5% sahaja. Ini peratusan yang ada dalam Laporan Bank Negara. Jadi, untuk penjelasan kepada Dewan ini

bagaimana sedikitnya sumbangan yang diberi oleh bank asing kepada tujuan Kerajaan bagi meninggikan ekonomi bumiputra.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Athi Nahappan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7.30 malam.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Puan Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7.30 malam.

RANG UNDANG-UNDANG CAP DAGANGAN

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.22 *ptg.*

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama Akta Cap Dagangan, 1976, iaitu satu Akta bagi membuat peruntukan-peruntukan yang lebih baik di dalam undang-undang berkenaan dengan Cap Dagangan dan untuk perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya, dibaca bagi kali yang kedua.

Pada masa sekarang terdapat 3 Undang-undang Cap Dagangan, iaitu Ordinan Cap Dagangan (No. 26 Tahun 1950) bagi Semenanjung Malaysia, Ordinan Cap Dagangan (Cap 142) bagi negeri Sabah dan Ordinan Cap Dagangan (Cap 62) bagi negeri Sarawak. Kedua-dua Ordinan yang berkuatkuasa di negeri Sabah dan di negeri Sarawak itu telah dijadikan undang-undang Persekutuan apabila Malaysia ditubuhkan dan kemudian dipinda untuk melanjutkan kuasa-kuasa Menteri Persekutuan yang berkenaan ke kedua-dua buah negeri tersebut berhubung dengan hal ehwal cap dagangan.

Tuan Yang di-Pertua, cap dagangan adalah satu tanda atau simbol yang menunjukkan bahawa sesuatu barang yang membawa tanda itu adalah barang kepunyaan seseorang pengilang atau peniaga yang tertentu. Tanda ini adalah berkaitan dengan barang-barang yang dijual atau diperdagangkan dan bertujuan untuk membezakan barang-barang kepunyaan seseorang pengilang ataupun peniaga dengan barang-barang yang serupa atau sejenis kepunyaan pengilang-pengilang lain. Ia juga merupakan satu tanda untuk membolehkan para pengguna mengenali barang-barang pilihan mereka atau menentukan qualities sesuatu barang yang mereka kehendaki. Oleh hal yang demikian, sesuatu cap dagangan itu mestilah jelas dan nyata (*distinctive*) supaya ianya dapat mengenalkan barang-barang kepunyaan pemilik cap dagangan yang berkenaan. Sesuatu cap dagangan kepunyaan seseorang pemilik yang seakan-akan dengan cap dagangan kepunyaan orang lain berkaitan dengan barang-barang yang sama atau sejenis tidak dapat menentukan siapa yang memiliki cap dagangan bagi barang-barang tersebut.

Dengan yang demikian, cap seumpama ini tidak boleh dianggap sebagai cap dagangan yang baik oleh kerana ia boleh menimbulkan kekeliruan di kalangan pengguna-pengguna dan mungkin juga boleh mengakibatkan penipuan dalam perniagaan. Cap dagangan adalah juga merupakan harta yang mana nilainya bergantung kepada beberapa banyakkah barang-barang yang diperkenalkan dengan sesuatu cap dagangan itu dipeniagakan dan sejauh manakah baik sangka terdapat di dalam perniagaan yang melibatkan cap dagangan itu. Dengan sebab itu, adalah mustahak pemilik-pemilik cap dagangan diberi perlindungan supaya mereka dapat menentukan hakmilik mereka di sisi-sisi undang-undang dan seterusnya mengambil tindakan yang sesuai di bawah undang-undang terhadap sebarang pencabulan ke atas hak-hak mereka atau terhadap amalan-amalan yang boleh merosakkan perniagaan atau nama baik mereka. Oleh yang demikian, cap dagangan memainkan peranan yang tertentu di dalam aktiviti-aktiviti perdagangan.

Kita dapat melihat cap-cap dagangan setiap hari melalui iklan-iklan di dalam siberan am di gerai-gerai, di kedai-kedai dan di gedung-gedung perniagaan. Tiap-tiap satu cap dagangan itu memainkan peranan memperkenalkan barang-barang yang diperniagakan oleh seseorang peniaga atau pengilang sambil membezakan barang-barang itu dengan barang-barang kepunyaan orang lain. Setengah cap dagangan sangat dikenali oleh orang ramai sehingga menjadi sebutan di rumah-rumah, manakala yang lain pula telah menjadi terkenal sebagai nama bagi barang-barang yang bermutu tinggi. Kebanyakan cap dagangan itu adalah cap dagangan yang berdaftar dan kesemuanya adalah digunakan oleh pemilik-pemiliknya dengan bebas dengan penuh kepercayaan serta dengan kesedaran bahawa cap dagangan mereka adalah mendapat perlindungan di bawah undang-undang terhadap persaingan yang tidak sihat, tetapi malangnya kadang-kadang terdapat cap dagangan tiruan yang tidak boleh diberi perlindungan. Cap-cap dagangan ini digunakan oleh peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab dengan mengambil kesempatan menggunakan nama baik cap dagangan yang telah menjadi popular. Amalan tipu daya perdagangan seumpama

ini dapat dihindarkan jikalau pemilik-pemilik cap dagangan yang tulen itu sentiasa mengawasi para pengguna lebih berjaga-jaga tatkala membeli satu-satu barang.

Tuan Yang di-Pertua, pendaftaran cap dagangan ialah satu cara memberi perlindungan kepada mereka yang ingin menentukan hakmilik mereka untuk menggunakan cap dagangannya bagi barang-barang buatan mereka, tetapi pendaftaran tidak diwajibkan di bawah sesuatu perjanjian ataupun pelesenan. Walau bagaimanapun, perlindungan tidaklah dapat diperolehi oleh setiap orang yang memohon pendaftaran oleh sebab undang-undang menegah pendaftaran setengah-setengah jenis cap dagangan, misalnya, sesuatu cap dagangan yang hampir-hampir serupa dengan cap dagangan yang telah didaftarkan oleh orang lain bagi barang-barang yang sama atau yang sejenis dengannya dan juga cap-cap dagangan yang mengandungi unsur-unsur yang mana kegunaannya mungkin menimbulkan kekeliruan dan penipuan terhadap pengguna-pengguna. Oleh hal yang demikian, pendaftaran cap dagangan adalah dijalankan dengan teliti dan cap-cap dagangan yang mematuhi segala peruntukan di dalam undang-undang sahaja yang diluluskan pendaftarannya. Dari itu, dalam tahun 1974, daripada sejumlah 4,413 permohonan yang diterima hanya 2,500 cap dagangan sahaja telah dilulus dan didaftarkan. Manakala dalam tahun 1975, daripada jumlah 4,792 permohonan yang diterima hanya 2,180 sahaja yang telah didaftarkan. Angka-angka ini termasuklah cap dagangan yang dipohon daripada dalam dan daripada luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun kelemahan terdapat di bawah undang-undang yang ada sekarang. Tiga sistem pendaftaran dengan tiga daftar yang berasingan terpaksa dikendalikan iaitu di Semenanjung Malaysia, di Sabah dan di Sarawak di bawah Undang-undang Cap Dagangan masing-masing dan untuk mendapatkan perlindungan cap dagangan bagi seluruh Malaysia, seseorang itu terpaksa membuat tiga permohonan berasingan di bawah tiga undang-undang dan ini menyebabkan kesukasan kepada si pemohon. Memandangkan kepada keadaan yang tidak memuaskan itu dan juga dengan kerana ada perkara di dalam undang-undang yang sekarang ini dalam mana perlu diubahsuai dengan perkembangan di bidang perdagangan dan

perusahaan, satu Jawatankuasa telah ditubuh oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian yang mengandungi wakil-wakil daripada beberapa Kementerian dan Jabatan Kerajaan dan juga pihak swasta untuk mengkaji penyusunan semula pentadbiran sekarang, sambil mengulang-kaji undang-undang yang ada sekarang dengan tujuan mengemaskinikannya untuk disesuaikan dengan perkembangan di dalam bidang perdagangan dan perindustrian di negara ini. Berasaskan kepada pandangan-pandangan dan pengakuan-pengakuan jawatankuasa tersebut, Rang Undang-undang yang dibentangkan di dalam Dewan sekarang ini telah digubalkan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kesimpulannya berikut adalah tujuan-tujuan Rang Undang-undang ini:

- (a) Menyatukan dan menyamakan ketiga-tiga undang-undang Cap Dagangan yang ada sekarang yang berkuatkuasa di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak dengan mengujudkan satu undang-undang sahaja;
- (b) Mengadakan satu sistem pendaftaran pusat untuk Cap Dagangan di mana suatu pendaftaran sahaja akan diberi perlindungan dan hak seluruh negara kepada sesuatu permohonan yang telah diluluskan;
- (c) Mengadakan Pejabat Pendaftaran Pusat Cap Dagangan di Kuala Lumpur dengan pejabat-pejabat wilayah di tempat-tempat yang sesuai di negeri ini;
- (d) Menghapuskan beberapa peruntukan di dalam undang-undang sekarang yang telah menjadi lapuk dan yang tidak lagi sesuai atau menasabah di samping mengadakan peruntukan-peruntukan baru yang sesuai dengan aliran-aliran sekarang tentang pendaftaran Cap Dagangan.

Dengan perubahan-perubahan dan peruntukan-peruntukan yang lebih baik yang telah dimasukkan di dalam Rang Undang-undang ini, saya percaya Rang Undang-undang ini akan dapat memberi kemudahan-kemudahan yang lebih baik kepada pedagang-pedagang dalam hal ehwal pendaftaran dan perlindungan Cap Dagangan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menandatangani.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 84 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN (KELAYAKAN BADAN PERUNDANGAN NEGERI) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.36 ptg.

Datuk Athi Nahappan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Akta bagi meminda Akta Perbadanan (Kelayakan Badan Perundangan Negeri), 1962 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Seksyen 3 Akta Perbadanan (Kelayakan Badan Perundangan Negeri), 1962 memberi peruntukan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk memperbadankan suatu Perbadanan Negeri bagi tujuan seperti yang disenaraikan di dalam Jadual Akta tersebut. Akta ini telah dipinda dalam tahun 1974 yang mana, antara lain, Seksyen 3 dipinda supaya semua Perbadanan-perbadanan Negeri yang ditubuhkan untuk menjalankan kegiatan membangunkan kawasan bandar dan desa dikehendaki mematuhi peruntukan-peruntukan di dalam Jadual yang baru, iaitu Jadual kedua. Tetapi adalah didapati peruntukan-peruntukan Jadual Kedua Akta ini tidak dapat dikuatkuasakan ke atas Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri kerana Perbadanan-perbadanan itu telah ditubuhkan sebelum tahun 1974. Oleh kerana difikirkan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri

perlu juga mematuhi peruntukan-peruntukan Jadual Kedua Akta Perbadanan (Kelayakan Badan Perundangan Negeri), 1962, maka pindaan-pindaan yang dicadangkan itu haruslah dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENDAFTARAN EKSPOT GETAH (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.40 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin mencadangkan satu Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Pendaftaran Ekspot Getah, 1966 dibacakan kali yang kedua.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Lembaga Pasaran dan Pelesen Getah Malaysia telah ditubuhkan pada bulan September 1973 dan salah satu fungsi utama Lembaga tersebut ialah bagi memperkembangkan kegiatan pasaran getah di negara ini. Fungsi ini adalah selaras dengan rancangan Kerajaan untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai pasaran getah yang terkemuka di dunia. Dalam usaha mencapai matlamat ini, berbagai rancangan telah disusun dan dilaksanakan dan dalam usaha

mempercepatkan proses pertukaran Kuala Lumpur sebagai Pusat Pasaran Getah yang terkemuka di dunia, maka organisasi Lembaga Pasaran dan Pelesen Getah Malaysia telahpun disusun semula sejak akhir tahun 1974 dan beberapa bahagian telah diwujudkan dalam Lembaga ini mulai tahun 1975.

Di samping itu, usaha-usaha sedang diperkemaskan bagi memperbaiki sistem pasaran getah dengan tujuan bagi mendapat maklumat-maklumat yang lengkap serta segera. Dengan itu Lembaga Pasaran dan Pelesen Getah Malaysia telah meneliti dan mendapati bahawa penggunaan alat-alat komputer adalah sesuai sekali untuk mencapai tujuan ini dan keputusan telah dibuat bagi menggunakan alat komputer tersebut. Penelitian telah dibuat oleh Kementerian saya bersama-sama Lembaga Pasaran dan Pelesen Getah Malaysia mengenai penggunaan alat komputer ini dan didapati borang-borang yang berkaitan dengan permohonan pendaftaran ekspot getah serta Sijil Pendaftaran Ekspot Getah yang ada sekarang adalah tidak sesuai dan memerlukan pindaan-pindaan bagi menyesuaikan dengan kehendak penggunaan komputer.

Tuan Yang di-Pertua, ingin juga saya menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bahawa mengikut peruntukan Akta Pendaftaran Ekspot Getah 1966 yang ada sekarang, didapati bahawa borang permohonan pendaftaran Ekspot Getah serta Sijil Pendaftaran Ekspot Getah yang dikeluarkan oleh Lembaga tersebut telah diperuntukan sebagai Jadual kepada Akta itu. Dengan itu sekiranya pindaan-pindaan hendak dibuat kepada borang-borang tersebut, maka proses untuk membentangkan pindaan itu di Parlimen hendaklah dipatuhi dan dari segi praktiknya cara yang begini adalah rumit kerana borang-borang tersebut perlu dipinda dari masa ke semasa mengikut keperluannya.

Bagi mengelakkan kerumitan yang dinyatakan itu maka Seksyen 4, Akta Pendaftaran Ekspot Getah, 1966 perlu dipinda dan didapati hanya memadai jika Menteri yang bertanggungjawab dalam hal getah (sekarang ialah Menteri Perusahaan Utama), bagi menentukan bentuk borang-borang yang difikirkan sesuai bagi permohonan pendaftaran ekspot getah, serta Sijil-sijil Pendaftaran yang dikeluarkan kepada pemohon-pemohon. Ini adalah untuk mengelakkan

pindaan-pindaan kepada borang-borang dan sijil tersebut dibawa ke Parlimen setiap kali pindaan tersebut dibuat.

Saya juga memandang berat mengenai maklumat-maklumat yang diberi oleh pihak-pihak dalam perusahaan getah dan dengan itu peruntukan telah dibuat kepada Seksyen 4 supaya sebarang permohonan kepada ekspot getah hendaklah memberi butir-butir yang sebenar dan tepat sebagaimana yang dikehendaki oleh seseorang pemohon. Ini adalah mustahak bagi kita untuk mengetahui terutamanya ekspot getah keluar negeri supaya dapat dinyatakan dengan tepat dan benar. Bagi menentukan supaya pihak-pihak berkenaan mematuhi kehendak-kehendak Akta ini, maka peruntukan perlu juga dibuat bagi dikenakan hukuman penjara tidak lebih dari enam bulan atau didenda tidak lebih dari \$5,000 atau kedua-duanya kepada sesiapa yang memberi maklumat yang tidak benar berhubung dengan ekspot getah tersebut. Ini adalah untuk mengelakkan maklumat-maklumat palsu dihantar kepada Lembaga Pasaran dan Pelesenan Getah Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menandatangani.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan ditetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG BADAN BERKANUN GETAH

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.51 ptg.

Tuan Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin mencadangkan Rang Undang-undang bagi meminda Ordinan Kumpulanwang Getah (Penanaman Semula), 1957 Ordinan Kumpulan Wang Getah Malaya (Penyelidikan dan Kemajuan), 1958, Akta Lembaga Pasaran dan Pelesen Getah Malaysia, 1972, dan Akta Pihak berkuasa Kemajuan Pekebun-pekebun Kecil Perusahaan Getah, 1972 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengingatkan kembali kepada Session Parlimen dalam bulan Ogos/September 1972 yang telah meluluskan di antara lain-lain Akta Lembaga Pasaran dan Pelesen Getah Malaysia, 1972 (M.R.E.L.B.) dan Akta Pihak berkuasa Kemajuan Pekebun-kecil Perusahaan Getah, 1972 (RISDA) dan pindaan-pindaan kepada Ordinan Kumpulanwang Getah Malaya (Penyelidikan dan Kemajuan), 1958 (M.R.R.D.B.). Bagi makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Akta-akta dan Ordinan itu telah mula dikuatkuasakan dalam tahun 1973.

Di dalam pelaksanaan Akta-akta dan Ordinan tersebut, telah didapati beberapa kekusutan atau setengah daripada aktiviti-aktiviti itu bercanggah dengan Akta atau Ordinan tersebut oleh sebab tidak terdapat di dalamnya peruntukan-peruntukan untuk membolehkan fungsi-fungsi Lembaga-lembaga yang berkenaan dilaksanakan dengan licin. Kekusutan yang dimaksudkan itu termasuklah mengenai bantuan tanam semula kepada pekebun-pekebun kecil. Ahli-ahli Yang Berhormat tentu masih ingat bahawa di antara langkah-langkah yang saya janjikan untuk diambil bagi mengelakkan kejadian-kejadian penyelewengan dalam pemberian bantuan tanam semula ialah tindakan menyemak Undang-undang RISDA sendiri.

Selain daripada itu, ada juga didapati bahawa di dalam perlantikan ahli-ahli Lembaga yang berkenaan, maka beberapa masa-alah telah timbul mengenai perlantikan Ahli-ahli Lembaga tersebut terutamanya dari Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya telah mengkaji sedalam-dalamnya Akta-akta/Ordinan Lembaga-lembaga yang berkaitan dengan getah seperti Pihak berkuasa Kemajuan Pekebun-kecil Perusahaan Getah (RISDA), Lembaga Kemajuan dan Penyelidikan Getah Malaysia (M.R.R.D.B.) dan Lembaga Pasaran dan Pelesen Getah Malaysia (M.R.E.L.B.) untuk dikemaskini dan disesuaikan dengan tugas-tugas yang baharu memandangkan bahawa peranan Lembaga-lembaga tersebut di atas telah bertukar akibat kemajuan dan pembangunan yang pesat di sekitar perusahaan getah. Pindaan-pindaan yang berkenaan yang berkaitan dengan Akta atau Ordinan Lembaga-lembaga yang berkaitan dengan getah adalah seperti mana yang saya akan terangkan berikutan ini.

Pertamanya pindaan-pindaan telah dibuat pada Ordinan Kumpulanwang Perusahaan Getah (Penanaman Semula), 1952. Dalam hal ini bagi Seksyen 2 Ordinan tersebut takrif "Owner of Land" adalah dimasukkan ke dalam Seksyen "Definition" untuk membolehkan takrif ini difahami dengan jelasnya. Takrif ini bererti bahawa tuan punya tanah yang didaftarkan ialah di dalam ertikata Kanun Tanah Negara dan termasuk juga wakil sah tuan punya tanah yang mati. Takrif "smallholder" juga dibuat untuk mengelakkan sebarang kekeliruan dari segi undang-undang, ditakrif sebagai tuan punya tanah yang mempunyai tanah kurang daripada 100 ekar.

Bagi Seksyen 3 pula peruntukan am dimasukkan untuk membolehkan Kumpulanwang di bawah Ordinan ini menerima apa-apa bayaran daripada mana-mana punca seperti pendapatan-pendapatan daripada perbadanan-perbadanan yang akan ditubuhkan oleh RISDA dengan kelulusan Perbendaharaan dan sebagainya. Pada masa sekarang, ada termaktub di dalam Ordinan itu punca-punca Kumpulanwang RISDA iaitu pungutan ses, bantuan geran daripada Kerajaan Persekutuan, pinjaman-pinjaman oleh RISDA, dan pendapatan-pendapatan daripada pelaburan yang dibuat daripada harta-hartanya.

Pindaan di Seksyen 7 adalah dibuat untuk membetulkan rujukan kepada Jadual-jadual Pertama dan Kedua yang dimansuhkan apabila Ordinan itu dipinda oleh Akta RISDA, 1972 dan untuk mengemaskan Seksyen ini dengan Seksyen 10 Ordinan itu.

Bagi Seksyen 8 pula, pindaan dibuat supaya membolehkan RISDA melaburkan jumlah kumpulanwangnya pada sesuatu masa setelah ditolak kos pentadbirannya, sekurang-kurangnya 70% dimasukkan ke dalam securities Kerajaan dan bakinya sebanyak 30% lagi itu dilaburkan dalam bank-bank di Malaysia termasuk Bank Negara Malaysia dan mengikut Seksyen 4 Ordinan Amanah, 1949 dan Seksyen 3 Akta Pelaburan Amanah, 1965.

Seperti di Seksyen 9, pindaan adalah bertujuan untuk membolehkan Kumpulan wang RISDA juga digunakan, selain daripada bantuan tanaman semula/tanaman baru dan kos pentadbiran, untuk latihan pegawai-pegawai RISDA, biasiswa untuk pelajaran tinggi bagi bakal-bakal pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja RISDA, biasiswa-biasiswa untuk anak-anak pekebun kecil dan sebagainya.

Untuk membolehkan rancangan-rancangan RISDA mengikuti prinsip-prinsip yang tertentu iaitu wang RISDA digunakan untuk penanaman baru atau penanaman semula atau cadangan tanaman yang lain bagi menggantikan tanaman getah serta juga bagi memperuntukan perkara kelayakan (eligibility) di dalam rancangan-rancangan tersebut, maka pindaan Seksyen 10 di dalam Ordinan ini adalah dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada pindaan-pindaan di atas terdapat juga tambahan Seksyen-seksyen yang baharu di dalam Ordinan ini iaitu Seksyen-seksyen 18 hingga 27. Dengan ringkasnya satu daripada peruntukan-peruntukan tambahan yang penting iaitu di Seksyen 18 dan 19 adalah bertujuan memberi kuasa kepada Menteri untuk mengarahkan RISDA memberhentikan atau menarik balik apa-apa bantuan yang telah di terima di bawah rancangan-rancangan kelolaan RISDA tanpa memberi apa-apa sebab. Peruntukan juga dibuat di Seksyen 19 bahawa tindakan Menteri ini tidak boleh disoal di dalam Mahkamah. Selain dari itu seperti yang diperuntukan di Seksyen 20, apabila Menteri yang berkenaan mengarahkan supaya diberhentikan atau ditarik balik bantuan yang telah diterima, maka Mahkamah akan memutuskan iaitu seseorang itu telah terhutang kepada RISDA manakala dakwaan dijalankan. Dalam hal ini Menteri

akan menentukan orang yang akan diberhentikan atau ditarik balik bantuan ke atasnya dan orang-orang ini termasuk peserta rancangan, ajen peserta atau orang-orang yang menerima bantuan bagi pihak peserta.

Satu lagi peruntukan yang penting di dalam Seksyen-seksyen tambahan ini iaitu di Seksyen 22 adalah pemberian kuasa yang luas kepada Menteri untuk mendapatkan balik wang bantuan yang telah diberi dan dalam hal ini harta-harta orang-orang yang didakwa akan juga dikira dan ini termasuk harta-harta yang diberi kepada saudara-saudara mereka.

Peruntukan-peruntukan tambahan di Seksyen 23 dan 24 juga memberi kuasa kepada RISDA untuk mengadakan tindakan-tindakan sivil ke atas peserta-peserta yang mengambil bahagian di dalam rancangan-rancangan di bawah kelolaannya dan dengan persetujuan Menteri, RISDA juga diberi kuasa untuk membekukan harta-harta mereka yang didakwa.

Satu lagi peruntukan yang penting yang ditambah di dalam Ordinan ini iaitu di Seksyen 25 ialah pemberian kebebasan (immunity) kepada Menteri daripada tindakan undang-undang sivil ke atasnya sungguhpun tindakan-tindakan telah diambil untuk memberhentikan bantuan, menarik balik harta-harta dan membekukan harta-harta yang tersebut di atas. Begitu juga, pihak yang berkenaan tidak boleh mengambil tindakan sivil ke atas Menteri atau RISDA mengenai apa-apa tuntutan bantuan yang sepatutnya mereka menerimanya tetapi telahpun diarahkan supaya diberhentikan bantuan tersebut. Peruntukan ini juga memberi kebebasan ke atas Menteri atau RISDA daripada tindakan yang sivil ke atas perkara-perkara atau tindakan-tindakan yang telah dilakukan oleh badan-badan sebelum terutuhnya RISDA atau pegawai-pegawai di bawah Ordinan ini atau di bawah Akta RISDA, 1972.

Lain-lain peruntukan tambahan di bawah Ordinan ini yang tidak disebutkan tadi adalah untuk mengemaskan sambil mengetatkan undang-undang yang berkaitan dengan penggunaan Kumpulanwang di bawah RISDA supaya tidak berlaku sebarang penyelewengan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan juga dibuat di Seksyen 15 dalam Ordinan Kumpulanwang Getah Malaya (Penyelidikan dan Kemajuan) 1958 yang bertujuan untuk memberi biasiswa-biasiswa kepada pekerja-pekerja yang sedang berkhidmat dan juga bakal-bakal pekerja Lembaga untuk mengikuti kursus yang mengutamakan sains dan teknologi bagi anak orang-orang yang bertugas dalam perusahaan getah umpamanya anak-anak pekebun-pekebun kecil dan yang benar-benar memerlukan biasiswa.

Selain daripada itu bagi Akta Lembaga Pasaran dan Pelesenan Getah Malaysia, 1972 pindaan adalah dibuat di Seksyen 3 yang bertujuan untuk memperbaiki peruntukan yang lama di dalamnya didapati di bawah Seksyen lama itu semua perlantikan ahli-ahli M.R.E.L.B. mesti dibuat kesemuanya termasuk ahli-ahli dari Sabah dan Sarawak. Pindaan ini akan mengesahkan penubuhan M.R.E.L.B. sungguhpun ahli-ahli Lembaga itu tidak kesemuanya dilantik pada waktu ini.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Akhirnya, saya juga mencadangkan pindaan kepada Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun-pekebun Kecil Perusahaan Getah, 1972 iaitu di Seksyen 4, yang bertujuan untuk membuat perubahan-perubahan mengenai keahlian Pihakberkuasa RISDA oleh kerana terdapat beberapa pertukaran Kementerian telah berlaku baru-baru ini dan juga pada tahun-tahun yang lepas. Dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan itu, ini akan dapat mengelakkan pindaan-pindaan yang berbangkit apabila terdapat pertukaran atau perubahan Kementerian. Pindaan ini juga melibatkan kemasukan seorang ahli baharu iaitu daripada Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia Berhad (M.A.R.D.E.C.), dan tambahan dua orang ahli-ahli yang mewakili pekebun-pekebun kecil, iaitu tambahan seorang daripada Semenanjung Malaysia dan tambahan seorang dari Sabah dan seorang bagi Sarawak supaya menjadi tujuh orang kesemuanya bagi wakil-wakil pekebunkecil. Setelah dikaji dengan teliti mengenai komposisi ahli-ahli RISDA, didapati tambahan ahli-ahli ini adalah perlu supaya RISDA dapat menjalankan aktiviti-aktivitinya dengan lebih berkesan diseluruh Malaysia serta juga masalah perlantikan ahli dari Sabah dan Sarawak secara

bergilir-gilir seperti dahulu dapat diatasi. Tambahan seorang ahli lagi bagi mewakili pekebun-pekebun kecil dari Semenanjung Malaysia sangatlah menasabah dengan sebab bahawa sektor pekebun-kecil dari Semenanjung Malaysia adalah lebih penting, baik dari segi pengeluaran serta juga keluasan.

Seerti juga dengan Akta Lembaga Pasaran dan Pelesenan Getah Malaysia, 1972 pindaan dibuat kepada Akta Pihakberkuasa Kemajuan Pekebun-kecil Perusahaan Getah, 1972 mengenai perlantikan ahli-ahli daripada Sabah dan Sarawak. Pindaan yang dicadangkan ini adalah untuk membetulkan kekeliruan yang berlaku semasa kedua-dua Akta ini dipinda pada bulan Mac 1975. Ini adalah kerana penubuhan RISDA seperti juga M.R.E.L.B. hanya sah bagi tempoh perlantikan ahli-ahlinya kali yang pertama sahaja, tetapi bagi tempoh keduanya, penubuhan kedua-dua Lembaga tersebut tidaklah sah dari segi undang-undang tanpa perwakilan dari Negeri Sabah dan Sarawak. Dengan itu peruntukan-peruntukan yang tertentu dimasukkan supaya penubuhan kedua-dua Lembaga tersebut adalah sah pada bila-bila masa sahaja.

Pindaan adalah juga dicadangkan di Seksyen 6 dalam Akta Pihakberkuasa Kemajuan Pekebun-kecil Perusahaan Getah, 1972 dan RISDA menubuhkan Perbadanan dengan kelulusan Kerajaan yang difikirkan perlu untuk menjalankan aktiviti-aktiviti di bawah RISDA dan termasuk:

- (i) Pemberian kredit baja dan kredit tanaman kontan;
- (ii) Memberi kuasa kepada RISDA untuk menyumbangkan wang kepada Persatuan atau badan-badan yang ditubuhkan untuk memberi menafaat kepada pekebun-pekebun kecil selain daripada memberi pinjaman atau modal kepada perbadanan yang akan ditubuhkan oleh RISDA;
- (iii) Memberi kuasa kepada RISDA dengan persetujuan Menteri untuk menggunakan Kumpulanwang bagi lain-lain tujuan tetapi tidak bercanggah dengan peruntukan-peruntukan di bawah Akta Pihakberkuasa Kemajuan Pekebun-kecil Perusahaan Getah, 1972 atau Ordinan Kumpulanwang Perusahaan Getah (Penanaman Semula), 1952.

Pindaan-pindaan yang lain yang tidak saya sebutkan di atas tadi adalah kecil dan semata-mata berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

7.15 *mlm.*

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun kerana memberi sokongan yang mustahak kepada Akta yang ada di hadapan kita ini iaitu Akta bagi meminda Ordinan Kumpulanwang Perusahaan Getah (Penanaman Semula) 1952, Ordinan Kumpulan Getah Malaya (Penyelidikan dan Kemajuan) 1958, Akta Lembaga Pasaran dan Pelesen Getah Malaysia, 1972 dan Akta Pihakberkuasa Kemajuan Pekebun-kecil Perusahaan Getah, 1972.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan memberi hujah-hujah saya dan juga pandangan kepada keempat-empat Akta itu, mudah-mudahan mendapat perhatian Kementerian yang berkenaan. Saya cuma hendak membangkitkan hujah saya dalam perkara RISDA iaitu satu badan kemajuan getah yang patut diberi kepujian oleh pekebun-kecil dalam tanahair kita ini sebaik-baik sahaja dengan adanya perubahan baru yang dilakukan oleh pegawai-pegawai yang berkenaan. Selain daripada itu kita juga patut berbangga dan berterima kasih kepada RISDA kerana selama ini badan ini telah mengeluarkan wang sebanyak \$900,000 juta kepada 330,000 pekebun kecil dalam tanahair kita dan telah memulihkan lebih kurang 1.2 juta ekar tanah pekebun kecil dengan meninggalkan mutu getah dan baka-baka getah yang baik yang dinikmati oleh pekebun kecil. Menurut hemat saya, Tuan Yang di-Pertua, sewajarnya bagi pekebun kecil dan negara ini memberikan kepujian kepada badan itu.

Dalam pada itu beberapa perkara yang telah kita dengar berlaku kecurangan dan kerugian yang dialami oleh RISDA ini atau disebut dahulu Lembaga Menanam Getah Semula. Kecurangan itu berlaku, kalau kita nilaikan dengan kemajuannya adalah sangat sedikit iaitu kecurangan yang telah berlaku di Perak, di Pahang dan juga di lain-lain tempat. Saya katakan kecurangan yang berlaku ini adalah sedikit dan saya puji

pegawai-pegawai yang berkenaan dengan pantas dan cekapnya dapat membentasi dan menahan kecurangan itu berleluasa. Kalau kita bandingkan dengan agensi-agensinya Kerajaan yang lain lebih banyak lagi rugi daripada untung. RISDA cuma rugi kira-kira \$12 juta dan kalau dibandingkan dengan kemajuan yang dibuatnya, apa yang telah saya sebutkan tadi, peratusnya adalah rendah sahaja. Oleh itu saya nampak bahawa RISDA telah mengambil satu tindakan kepada pegawai-pegawai yang curang itu dengan melapurkan kepada B.S.N. bahawa itu adalah tidak berapa wajar, tidak begitu bijak. Sebab perkara ini kita boleh perbetulkan, kita boleh atasi dan kita boleh perbaiki supaya matlamat kita tercapai dan kerugian itu boleh ditimbuskan, boleh dibayar balik dengan usaha yang bersungguh-sungguh daripada pihak RISDA.

Tetapi dengan keadaan diserahkan kepada B.S.N. ini menurut hemah saya, Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang kurang bijak iaitu seolah-olah RISDA ini sendiri tidak boleh membetulkan pegawai-pegawainya yang melakukan curang ini. Tuan Yang di-Pertua, bila saya sebutkan curang ini dan pihak B.S.N. telah menjalankan tindakan bukan sahaja yang terlibat ini, tetapi keseluruhan anggota-anggota RISDA pada masa sekarang dalam ketakutan, semua daerah mereka dalam ketakutan, sebab mereka sentiasa diawasi dan disiasat oleh pegawai-pegawai B.S.N. Saya tidak menyokong, Tuan Yang di-Pertua, orang yang telah membuat curang ini supaya diberikan pembelaan, tetapi banyak jalan lain seperti Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain boleh mengawasi pegawai-pegawainya dengan berbagai-bagai langkah, tata-tertib yang patut kenakan kepada pegawai-pegawai ini. Akibatnya, Tuan Yang di-Pertua, bila RISDA minta campurtangan B.S.N. dalam Badan ini pegawai-pegawai kita yang tulus ikhlas yang telah membuat jasa yang baik kepada rancangan menanam getah semula ini sentiasa dalam ketakutan dan tidak dapat menjalankan kerja dengan sepenuhnya. Bila mereka tidak dapat menjalankan kerja dengan ikhlas dengan sepenuhnya yang jadi ke'wa, Tuan Yang di-Pertua, ialah pekebun-pekebun kecil kita. Jadi, saya fikir, Tuan Yang di-Pertua, masalah ini patut dikaji balik oleh RISDA pada menyerahkan tanggungjawab mengambil tindakan pegawai-pegawai yang curang ini kepada sebuah badan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi Yang Berhormat tadi telah bercakap, nampaknya Rang Undang-undang ini banyak memberi kuasa yang kuat kepada Menteri dan Menteri pula tidak boleh didakwa. Ini satu perkara yang menakutkan kita, kuasa sebagaimana yang dapat pada Menteri yang akan menyusahkan pekebun kecil dan juga menyusahkan Lembaga-lembaga ini bergerak.

Tuan Yang di-Pertua, tempoh hari yang lalu, telah terdengar Yang Berhormat Menteri berkenaan telah mengumumkan bahawa sindiket memecahkan ladang-ladang yang besar dan ladang-ladang yang besar ini dibelah bahagikan, dipecahkan diberi kepada pekebun kecil dengan peruntukan 6 ekar atau 10 ekar ke bawah. Ini disebut satu sindiket yang patut diambil tindakan oleh RISDA, tetapi menurut hemah saya, Tuan Yang di-Pertua, saya bukan hendak membela sindiket ini, menurut hemah saya bahawa usaha ini satu usaha yang baik yang menurut dasar sosialis. Ertinya bahawa ladang-ladang 2,000 ekar, 3,000 ekar kita pecah-pecahkan dan bahagikan kepada rakyat yang tidak ada mempunyai kebun getah 5 ekar, 5 ekar daripada kebun 2,000 ekar tadi kita boleh pecahkan beri kepada pekebun kecil seramai 200 orang berhak atas ladang yang dipunyai oleh satu orang.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun ada permulaannya kita melihat bahawa sindiket ini hendak mengambil kesempatan mendapatkan keuntungan daripada bantuan-bantuan menanam getah semula itu pada zahir, tetapi pada hakikat yang sebenarnya kita telah beruntung bahawa ladang yang besar ini telah dapat dimiliki oleh pekebun kecil. Katakanlah, sindiket yang mengusahakan ini pada peringkat awalnya, Tuan Yang di-Pertua, dia untung—dia untung. Tetapi kita mesti mengkaji hakikatnya. Pertama bahawa sebuah ladang yang hendak dibelah bahagi hendak dipecahkan dan hendak diberikan kepada pekebun kecil itu tidak ada hak kepada RISDA, hak menentukan milik kepada pekebun kecil itu ialah Kerajaan sebuah negeri. Kerajaan sebuah negeri itu telah mempersetujui supaya pindah milik itu diberikan kepada pekebun kecil ini melalui borang Undang-undang Tanah Negara. Dengan ini dihalusi oleh Kerajaan Negeri dari peringkat daerah, peringkat negeri telah sahlah bahawa estet ini boleh dipecah-belahkan dan dibahagikan kepada mereka yang

memohon ini pada pekebun kecil ini dan ini juga pihak Kerajaan Negeri dan mengakukan bahawa pekebun kecil itu berhak atas tanah ini pindah milik ini kepadanya dengan mereka mendapat Q.T. pada permulaannya dan akhirnya mereka mendapat geran. Maka dengan keadaan yang macam mana, Tuan Yang di-Pertua, satu kebanggaan yang telah dibuat walaupun pada hakikatnya sindiket ini membuat satu kesalahan, tetapi saya telah kata tadi dengan cara tidak langsung pekebun kecil telah dapat harta. Ada orang berkata bahawa yang dapat itu ialah keluarga sindiket itu atau keluarga satu-satu kumpulan. Kenapa RISDA pergi hiraukan. Masaalah mereka dapat tanah bahawa yang dapat tanah itu menurut keputusan Kerajaan Negeri mereka ini berhak dapat tanah dan dapat memiliki tanah itu untuk dipunyai dengan kuatkuasa Undang-undang Tanah Negara. Saya fikir RISDA patut berterima kasih kepada sindiket ini yang telah membuat satu usaha yang baik yang menurut dasar sosialis kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, RISDA beruntung tentang mana, bila seorang pekebun kecil telah dapat Q.T. seluas 6 ekar, menurut peraturan RISDA mereka ini boleh berhak dalam Kumpulan Menanam Semula Fund B, ada borangnya, dia tidak salah menurut peruntukan yang diberi oleh Kerajaan Negeri dan yang diberi oleh RISDA. Orang itu berhak menerima bantuan menanam getah semula bawah Fund B. Bila mereka ini telah menyain borang ini pihak RISDA telah menghantarkan pegawai kepada tanah-tanah itu dia sangat berpuas hati bahawa tanah ini benar telah dimiliki oleh pekebun kecil dengan sebab itu borang ini diterima, kemudian diakui bahawa kamu dapat hak menanam getah semula pada satu ekar \$900.00. Selepas itu mereka dapat layanan kemudahan bagaimana pekebun-pekebun kecil yang lain, diberi bantuan pada permulaan, peringkat permulaan dengan baja yang kedua, yang ketiga tetapi malangnya, Tuan Yang di-Pertua, antara pegawai RISDA dengan pegawai RISDA yang meluluskan itu ialah pegawai RISDA sebuah negeri bertukar pegawai RISDA yang lain, dia tengok keadaan ini tidak betul, dia pula kondemkan. Ertinya dia bantah supaya digantung permohonan orang ini, jangan diberi sebab pemberian ini perakuan yang lalu itu tidak sah, yang membuat kerja tidak sah ini yang mengaku sah

dahulu ialah pegawai RISDA negeri itu, kemudian bertukar pula pegawai RISDA negeri itu orang lain, dia kata tidak sah. Dengan sebab itu manusia yang dikatakan pekebun kecil, bantuannya tergantung, bantuan baja tergantung, bantuan wang tergantung. Siapa yang terima mangsa ini, Tuan Yang di-Pertua, yang menerima mangsa ini ialah pekebun kecil, pada hal mereka itu ada hak telah dipersetujui menerima bantuan menanam getah semula Fund B ini. Bila digantung, Tuan Yang di-Pertua, segala usaha yang telah dibuatnya dan pokok getah yang ditanamnya beribu ekar tidak dapat dimajukan dengan sebab tidak ada bantuan atau

dengan sebab tidak dapat baja. Alangkah moleknnya RISDA memikirkan kembali masalah-masalah yang terjadi begini dengan mudah dalam Akta yang ada ini akan menarik balik atau akan menggantung balik bantuan-bantuan ini dengan kuatkuasa yang ada pada Menteri

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup. Ahli Yang Berhormat boleh sambung esok. Majlis ditangguhkan sekarang hingga pukul 2.30 petang hari esok 4hb Mei, 1976.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.30 malam.